

BAB 1

LATAR BELAKANG DAN PERKEMBANGAN PERSURATKHABARAN

DI SARAWAK 1870-1950

Pengenalan

*Sarawak Darul Hana*¹ terletak di barat laut Borneo. Keluasannya ialah 48, 250 batu persegi. Pinggir pantainya sepanjang 450 batu persegi menghadap Laut China Selatan.² Penduduknya terbahagi kepada bumiputera (Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh dan Orang Ulu)³ dan bukan bumiputera (Cina, India dan Eropah).⁴ Sarawak⁵ dihuni oleh manusia

¹ Ia merujuk kepada Sarawak pada zaman pemerintahan Sultan Tengah pada 1598-1641. Pusat pemerintahannya terletak di Santubong. Beliau ditabalkan oleh Sultan Abdul Jalil Akhbar di Brunei. Sultan Tengah dibantu oleh Datu Patinggi Sri Setia, Datu Syahbandar Indera Wangsa, Datu Amar Setia Diraja dan Datu Temenggung Laila Wangsa. Selepas kemangkatan Sultan Tengah, Sultan Abdul Jalil Akhbar melantik Datu Patinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung sebagai wakilnya di Sarawak. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, "Sultan Tengah (Sultan Sarawak Pertama dan Terakhir)", Kertas Kerja Seminar Budaya Melayu Sarawak II, 28-30 Jun 1993, Yayasan Budaya Melayu dan Kerajaan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 1-38.

² J. Hepburn, *The Hand Book of Sarawak*, Malaya Publishing House, Singapore, 1949, hlm. 1. Sehingga 1973, Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian (residensi). Setiap bahagian diketuai oleh Residen. Bahagian Pertama (Kuching), Bahagian Kedua (Sri Aman), Bahagian Ketiga (Sibu), Bahagian Keempat (Miri) dan Bahagian Kelima (Limbang). Persempadanan ini diubah pada 11 Januari 1973 untuk melicinkan pentadbiran. Bahagian Keenam (Kapit, Belaga dan Song) dan Bahagian Ketujuh (Sarakei, Matu, Daro, Binatang dan Julau) diasaskan. Anthony Brooke, *The Facts About Sarawak*, Summer Times Publishing, Singapore, 1983 hlm. 37.

³ Orang Melayu kebanyakannya tinggal di kawasan pesisiran pantai di Bahagian Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat. Selain mendiami kawasan bandar, mereka juga tinggal di kampung yang terletak di tebingan sungai. Kegiatan ekonomi mereka tertumpu kepada bidang pertanian dan perikanan. Orang Melanau kebanyakannya tinggal di kawasan

pesisir Bahagian Ketiga dan Keempat khususnya di Mukah, Oya, Dalat, Rajang, Balangian, Sarikei, Igan dan Bintulu. Orang Melanau terbahagi kepada suku Seduan, Banyok, Situng, Daro, Segalang, Preban dan Kanowit. Mereka terkenal dengan penghasilan sagu. Orang Iban kebanyakannya tinggal di Bahagian Kedua, Ketiga dan Ketujuh. Mereka mendiami kawasan dataran rendah dan tebingan sungai. Orang Iban terbahagi kepada suku Sebuyau, Ulu Ai, Skrang, Saribas, Melikin, Lemanak, Undup, Balau dan Dau. Kegiatan ekonomi utamanya ialah pertanian. Kebanyakan mereka tinggal di luar bandar. Orang Bidayuh tertumpu di Bahagian Pertama. Penempatan utama mereka meliputi Bau, Serian dan Lundu. Mereka tinggal di kawasan hulu sungai dan lembah pergunungan. Mereka terbahagi kepada lapan suku iaitu Biatah, Lara, Selako, Jagoi, Singgei, Tringus, Taup dan Bukar Sadong. Pertanian adalah kegiatan ekonomi utama mereka. Orang Ulu adalah penduduk pribumi minoriti yang paling kompleks. Kebanyakan mereka tinggal di kawasan tanah tinggi dan hulu sungai. Penempatan utama mereka ialah di Bahagian Keempat, Kelima dan Ketujuh. Umumnya, Orang Ulu terbahagi kepada 15 suku utama iaitu Kenyah, Kayan, Lun Bawang, Penan, Punan, Bisaya, Kelabit, Kajang, Tagal, Tabun, Ukit, Bukitan, Lisuna, Tatau, Sa'aban dan Sihan. Kegiatan ekonomi utamanya ialah bertani dan berburu. Untuk perbincangan lanjut, rujuk James C. Jackson, *Sarawak : Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri Yang Sedang Membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 33-46. Borneo Literature Bureau, *Information on Sarawak*, Borneo Literature Bureau, Kuching, hlm. 10-14. Lee Yong Leng, *Penduduk dan Penempatan Di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 68-119. M. G. Dickson, *Sarawak and Its People*, Borneo Literature Bureau, Kuching, 1962, hlm. 89-106. Hugh Low, *Sarawak : Its Inhabitants and Productions*, Frank Cass and Company Limited, London, 1968, hlm. 93-349. Malcom MacDonald, *Borneo People*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 69-331 ; 345-360. Hedda Morrison, *Sarawak*, Donald Moore Gallery, Singapore, 1965, hlm. 120-160 ; 198-317. *Adat Resam Penduduk Sarawak*, Jawatankuasa Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke-25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia, Kuching, 1998, hlm. 35-256. Amran Abdullah dan Hamidah Husain, *Suku Kaum*, Prisma Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1994.

⁴ Orang Cina kebanyakannya menetap di Bahagian Pertama, Ketiga dan Keempat. Mereka menguasai penempatan di bandar Kuching, Sibu, Miri, Bintulu dan Sarikei. Orang Cina terbahagi kepada suku Foochow, Hakka, Hokien, Teochew, Kantonis, Henguan dan Hainan. Kegiatan ekonomi mereka tertumpu kepada perdagangan dan perniagaan. Orang India khususnya yang beragama Islam, berhijrah ke Sarawak (Kuching) sejak sebelum kedatangan James Brooke lagi. Mereka membina kedai dan masjid di Kuching. Antara tokoh yang terkenal ialah Messrs Mastan, K. Medin, Tamby Abdullah, Kathar Maideen, Maideen Kala Basah dan Said Mohamed. Perkembangan perniagaan India di Kuching semakin jelas pada awal 1900-an. Sehingga 1929, orang India juga terdapat di Serian, Sibu, Mukah, Sarikei, Saratok, Betong, Bintulu, Lawas, Miri dan Limbang. Selain masyarakat India-Muslim, terdapat juga komuniti Sikh dan India-Hindu. Untuk perbincangan lanjut, rujuk James C. Jackson, *Sarawak*, hlm. 46-57. Borneo Literature Bureau, *Information on Sarawak*, hlm. 14-15. Lee Yong Leng, *Penduduk dan Penempatan Di Sarawak*, hlm. 120-146. M. G. Dickson, *Sarawak and Its*

sejak zaman paleolitik.⁶ Sebelum Sarawak diletakkan di bawah pengaruh Brunei pada awal abad ke-16, Majapahit dan Srivijaya mendakwa Sarawak sebahagian daripada empayar masing-masing.⁷ Sejarah Sarawak moden bermula di bawah pemerintahan

People, hlm. 107-113. Malcom MacDonald, *Borneo People*, hlm. 332-344. Hedda Morrison, *Sarawak*, hlm. 161-197. *Adat Resam Penduduk Sarawak*, hlm. 1-34. Paul Yong, *A Dream of Freedom : The Early Sarawak Chinese*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1991. Abdul Rahman Deen, “The Coming of Indian Muslim Merchants to Sarawak”, Amrat Kaur, “The Sikh Community in Sarawak” dan T. Komarusamy, “South Indians in Sarawak”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL, No. 61, December 1998.

⁵ Istilah “Sarawak” merujuk kepada dua entiti berbeza iaitu “Sarawak Lama” dan “Sarawak Baru”. “Sarawak Lama” ialah wilayah Sarawak yang asal. Ia meliputi Sungai Sarawak hingga ke Tanjung Datu, di bahagian tenggara Borneo yang menghadap Laut China Selatan. Sejarah “Sarawak Lama” dikaitkan dengan zaman pemerintahan Brunei. Brunei mulai aktif meluaskan kuasanya ke Sarawak di bawah pemerintahan Sultan Muhammad pada 1476. Sarawak menjadi wilayah Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah. “Sarawak Baru” pula merujuk kepada negeri yang diperintah oleh keluarga Brooke (1841-1941). Ia bermula apabila “Sarawak Lama” diserahkan kepada James Brooke pada 1841. Brooke meluaskan wilayah “Sarawak Lama” yang diperintahnya dengan mengambil alih wilayah Brunei. Ia berkembang dari Tanjung Datu hingga ke Lawas pada 1908. Pada 1946, “Sarawak Baru” diserahkan sebagai tanah jajahan British dan menyertai Persekutuan Malaysia pada 1963. Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966 : The Search for Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 1.

⁶ Ia terbukti melalui penemuan kesan kehidupan di Gua Niah, Miri. Selain Gua Niah, bukti kehidupan manusia zaman pra sejarah juga ditemui di Gunung Subis, Ulu Tatau, Sungai Putei, Ulu Baleh dan Gua Kain Hitam. Penemuan artifak di Bongkisam, Sungai Jaong, Limbang, Samarahan dan Batu Lintang menunjukkan kehadiran pengaruh Buddha dan Hindu. Ia dipercayai kesan peluasan kuasa Srivijaya dan Majapahit sekitar abad ke-13 dan 14. Chang Pat Foh, *Heroes of The Land of Hornbill*, Chang Pat Foh, Kuching, 1997, hlm. 12-20 dan *The Land of Freedom Fighters*, Kementerian Pembangunan Sosial, Kuching, 1995, hlm. 3. J.P. Onglili, “Pre-Western Brunei, Sarawak and Sabah”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XX, January-December, 1972, hlm. 1-20. Earl of Cranbrook, “Northern Borneo environments of the past 40,000 years : Archaeozoological evidence” dan Graeme Barker, “The Niah Caves Project : Preliminary Report on the first (2000) season”, dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. LV, No. 76, December 2000, hlm. 61-110 ; 111-150.

⁷ Sebelum Sarawak diletakkan di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah (Nakhoda Alam), terdapat kerajaan Melayu di Sarawak. Antaranya di Samarahan, Kalaka, Batang Sadong, Kuala Rajang dan Bintulu. Ia ditundukkan oleh Sultan Bolkiah seperti yang diceritakan

Brooke (1841-1941). Ia meliputi era James Brooke,⁸ Charles Brooke⁹ dan Vyner Brooke.¹⁰ Selepas pendudukan Jepun (1941-1945),¹¹ Vyner Brooke menyerahkan

dalam Syair Awang Semaun dan Salsilah Raja-Raja Brunei. Sultan Bolkiah memerintah Brunei antara 1473-1521. Sanib Said, "Melayu Dalam Sejarah Sarawak : Iktibar Untuk Pembangunan Masa Depan", Kertas Kerja Seminar Budaya Melayu Sarawak II, 28-30 Jun 1993, Yayasan Budaya Melayu dan Kerajaan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 3-4 dan "The History of Sarawak : Where Do We Begin", *Sarawak Museum Journal*, Vol. LIV, No. 75, December 1999, hlm. 211-224. Untuk butiran lanjut tentang salsilah Sultan-sultan Brunei, rujuk Sylvia C. Engelen Krausse dan Gerald H. Krausse, *World Bibliographical Series Volume 93, Brunei*, Clio Press Ltd., London, 1988, hlm. xlvi.

⁸ James Brooke lahir di India, Secrore (Banares) pada 29 April 1803. Beliau mendapat pendidikan di Norwich Grammar School. Pada 1819, beliau menyertai tentera British dan terlibat dalam Perang Burma-British I (1824-1825). Beliau bersara daripada perkhidmatan tentera British pada 1830. Pada 1834, James Brooke melawat Tanah Melayu dan China. Beliau membeli kapal Royalist hasil wang peninggalan ayahnya, 30,000 pound sterling pada 1835. James Brooke tiba di Sarawak pada 1 Ogos 1839 (di Tanjung Datu). Beliau datang semula ke Sarawak pada Ogos 1840. Setelah berjaya membantu Pangiran Muda Hasyim menundukkan Datu Patinggi Ali di Lidah Tanah, James Brooke dilantik oleh Pangiran Muda Hasyim sebagai Gabenor Sarawak pada 24 November 1841. Beliau mendapat pengiktirafan sebagai Gabenor Sarawak daripada Sultan Omar Ali Saifuddin II pada 1842. Pada 1846, Sultan Omar Ali Saiffudin II menyerahkan Sarawak kepada James Brooke. Beliau menumpukan usaha mengukuhkan kuasanya. Pemerintahannya mendapat tentangan daripada pemimpin tempatan seperti Rentap, Syarif Mashor dan Datu Patinggi Haji Abdul Ghafur. Kebangkitan tercetus di Saribas, Mukah, Julau, Batang Lupar, Marudu Bay, Batang Sadong, Lingga, Undup dan Beting Maru. Beliau memperkenalkan sistem perundangan dan kehakiman Barat di samping berusaha menghapuskan amalan memotong kepala di kalangan kaum Iban. James Brooke mendapat pengiktirafan kemerdekaan Sarawak daripada Amerika Syarikat (1850) dan British (1864). Beliau menujuhkan Majlis Tertinggi pada 1865. James Brooke meninggal dunia pada 11 Jun 1868 di Burrator, Devon. Beliau digantikan oleh Charles Brooke. Untuk perbincangan lanjut, rujuk A.M. Cooper, *A Men of Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 79-89. Nicholas Tarling, *The Burthen, The Risk and The Glory : A Biography of Sir James Brooke*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982. Emily Hahn, *James Brooke of Sarawak : A Biography of Sir James Brooke*, Arthur Barker Ltd., London, 1953. Steven Runciman, *The White Rajahs : A History of Sarawak From 1841-1946*, Cambridge University Press, London, 1960, hlm. 45-158. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs 1839-1908*, Henry Sotheran Co., London, 1909, hlm. 61-152. Ranee Brooke, *The Three White Rajas*, Cassell & Company Limited, London, 1939, hlm. 1-58.

⁹ Charles Brooke dilantik sebagai Raja Sarawak pada 3 Ogos 1868. Beliau lahir pada 3 Jun 1829 di Berrow Vicarage, London. Charles Brooke mendapat pendidikan di Crewkerne Grammer. Beliau pernah berkhidmat dalam Tentera Laut British. Pada 1854, beliau dilantik sebagai Residen di Batang Lutar. Charles Brooke berjaya meluaskan kuasanya ke Baram (1882), Trusan (1885), Limbang (1890) dan Lawas (1908). Majlis Negri ditubuhkan pada 1867 untuk membincangkan hal ehwal tempatan. Jalan raya dibina menghubungkan Kuching-Penrissen (1883), rumah api di Tanjung Datu dan Tanjung Kidurong (1872). Pelabuhan Sylvia di Kapit (1875), Pelabuhan Charles di Kabong (1878), Pelabuhan Hose di Marudi (1883), Pelabuhan Vyner di Belaga (1884) dan Pelabuhan Florence di Trusan (1887) juga dibina. Charles Brooke meninggal dunia pada 17 Mei 1917 di London. Beliau berkhidmat di Sarawak lebih daripada 64 tahun – 50 tahun sebagai Raja Sarawak. Untuk perbincangan lanjut, rujuk A.M. Cooper, *A Men of Sarawak*, hlm. 91-105. Colin N. Crisswell, *Rajah Charles Brooke : Monarch of All He Surveyed*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1978. Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 159-230. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs 1839-1908*, hlm. 307-450. Ranee Brooke, *The Three White Rajas*, hlm. 59-114.

¹⁰ Vyner Brooke lahir pada 26 September 1874 di London. Beliau menggantikan Charles Brooke pada 22 Julai 1917. Vyner Brooke mendapat pendidikan di Winchester College dan Magdalene College. Pada 1887, Ranee Margaret menghantarnya ke Sarawak, ketika berusia setahun. Di Sarawak, Vyner mengenali budaya dan bahasa Melayu daripada gurunya, Gerard Fiennes. Beliau mula berkhidmat di Sarawak pada 1897. Vyner Brooke juga membantu Charles Brooke menundukkan kebangkitan anti Brooke di Trusan (1900) dan Bantin (1902). Pada era pemerintahannya, Vyner Brooke mengadakan pembaharuan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Antara sumbangannya menubuhkan Jabatan Perhutanan (1919), Lembaga Perdagangan (1924), Lembaga Pemasaran Getah (1926), mewujudkan jawatan Ketua Setiausaha (1925), Pengarah Pendidikan (1924), Pengarah Pertanian (1927), Setiausaha Hal Ehwal Bumiputera dan Cina (1929), Ketua Hakim Sarawak (1930), mengasaskan Kuching Sanitary and Municipal Advisory Council (1921), Municipal Board bagi Kuching, Sibu, Miri, Bau, Binatang dan Sarikei (1934), membina jalan raya Kuching – Simanggang (1930) dan mendirikan 16 buah kilang dalam tempoh 1923-1940. Hospital Kuching diperbaiki pada 1926, sistem pengairan dimulakan pada 1922, Perpustakaan Sarawak didirikan pada 1935, Kolej Perguruan Melayu dibina pada 1939 dan Perlembagaan Sarawak diisytiharkan pada September 1941 yang menyediakan Sarawak ke arah berkerajaan sendiri. Vyner Brooke menyerahkan Sarawak sebagai tanah jajahan British pada 1 Julai 1946. Untuk perbincangan lanjut, rujuk A.M. Cooper, *A Men of Sarawak*, hlm. 107-114. Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 231-263. Ranee Brooke, *The Three White Rajas*, hlm. 115-228.

¹¹ Untuk perbincangan lanjut tentang zaman pendudukan Jepun di Sarawak, rujuk Horriah Affendi, “Pendudukan Jepun di Sarawak 1941-1945”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1980/1981. Basil Collyer, “The

Sarawak kepada British.¹² Mulai 1946-1963, Sarawak diperintah oleh kolonial British. Sarawak menyertai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.¹³

Sejarah Ringkas Perkembangan Persuratkhabaran di Sarawak 1870 - 1950

Sejarah awal persuratkhabaran (merangkumi akhbar dan majalah)¹⁴ di dunia masih kabur.¹⁵ Di Rom, Julius Caesar¹⁶ membina papan kenyataan yang ditempatkan di pusat

Period of Japanese Occupation of Sarawak : Events Leading up to the Japanese Occupation”, *Malaysian Historical Society* (Sarawak Branch), December 1976, hlm. 1-26. Kajian mutakhir mengenainya diusahakan oleh Bob Reece, *Masa Jepun : Sarawak Under The Japanese 1941-1945*, Sarawak Literary Society, Kuching, 1998. Fong Hon Kah and Julitta Lim Shau Hua, “The Nationalism of Sarawak People in the Guerilla War Against the Japanese towards the End of the Occupation” Kertas Kerja, Simposium Sejarah Sarawak 2000, 11-12 Ogos 2000, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching, hlm. 1-19.

¹² Pemerintahan British di Sarawak dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama : Tahap I (1946-1953), Tahap II (1953-1959) dan Tahap III (1959-1963). Tahap I memperlihatkan taraf hidup rakyat yang rendah, kos hidup dan inflasi yang tinggi dan penentangan terhadap pemerintahan British. British menumpukan usahanya meletakkan asas pentadbiran yang kukuh. British meluaskan pembangunan dan perubahan sosioekonomi pada Tahap II (1951-1959). Kestabilan politik merupakan faktor penting pengukuhan penjajahan dan pemerintahan British terutamanya setelah perjuangan anti penyerahan dilumpuhkan pada akhir 1949. Pada Tahap III (1959-1963), Sarawak melangkah ke era berkerajaan sendiri, pengenalan politik kepartian dan penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997.

¹³ Untuk perbincangan lanjut tentang penyertaan Sarawak dan Sabah dalam Persekutuan Malaysia, rujuk Mohammad Nor Abdullah, *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979. J.P. Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia 1960-1970*, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1972. Zainal Abidin Abdul Wahid (et al.), *Malaysia : Warisan dan Perkembangan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.

¹⁴ Menurut John Tebble, terdapat tiga perbezaan asas antara akhbar dengan majalah. Saiz akhbar lebih besar, menggunakan jenis kertas yang sama untuk semua halaman (kulit

kota pada 59 Sebelum Masehi (SM). Ia dinamakan *Acta Diruna*. Di papan kenyataan ini, dipaparkan berita rasmi Rom. Daripada istilah *diruna*, timbulnya istilah *dinurnarius* yang menjadi sumber istilah *journalist*.¹⁷

depan dan isi) dan lembaran (helaihan) akhbar tidak dijilid. Untuk perbincangan lanjut, rujuk John Tebble, *The American Magazine : A Compact History*, Hawthorn Booke, New York, 1967. *American People's Encyclopedia*, Vol. 12, Grolier Inc., New York, 1962. Bridgewater William & Kuntz Seymour, *The Columbia Encyclopedia*, Vol. 4, Columbia University Press, 1963. David A. Kronick, *A History of Scientific and Technical Periodicals : The Origins and Development of the Scientific and Technological Press 1665-1790*, The Scarecrow Press, New York, 1962.

¹⁵ Mustafa Suhaimi, *Jurnalisme Akhbar*, Progressive Products Supply, Kuala Lumpur, 1986, hlm. 1. Untuk perbincangan lanjut tentang perkembangan awalnya, rujuk Anthony Smith, *The Newspaper : An International History*, Thames and Hudson, London, 1979, hlm. 1-16. John. B. Thompson, *The Media and Modernity*, Polity Press, Cambridge, 1995, hlm. 53-59.

¹⁶ Julius Caesar merupakan pemimpin Rom berketurunan bangsawan. Beliau mempunyai hubungan rapat dengan Pompey dan Marcus Licinius Crassus. Mereka berjaya menguasai politik Rom. Julius Caeser terlibat dalam Perang Gallik pada 58-51 SM. Ini mengukuhkan pengaruhnya di kalangan tentera Rom. Apabila Marcus mati, Pompey berusaha menyingkirkan Ceaser. Ini menyebabkan berlakunya perang di Sungai Rubikon pada 49 SM. Pompey kalah di Pharsalus pada 48 SM. Julius Caeser menjadi pemerintah Rom hingga 44 SM. Micheal D. Harkavy (ed.), *The New Webster's International Encyclopedia*, Trident Press International, Florida, 1996, hlm. 177.

¹⁷ Jurnalisme (kewartawanan), menurut *Ensiklopedia Americana Journalism* berasal dari perkataan *Journee* (Perancis) dan *Urnalis* (Latin). *Journee* bererti "Hari Bekerja" dan *Urnalis* bererti tugas atau sesuatu yang berlaku setiap hari. Ia mentakrifkan jurnalisme sebagai kegiatan pengumpulan dan penerbitan berita daripada peristiwa semasa atau suatu usaha mengurus, menyunting atau menulis sesbuah jurnal (majalah) atau akhbar. *Encyclopedia Britannica* tidak membataskan tugas kewartawanan kepada kerja menulis atau mengarang akhbar sahaja. Jurnalisme juga meliputi kerja bercorak intelektual yang dilakukan untuk menjayakan penerbitan akhbar. Mohd. Salleh Kassim, *Kewartawanan : Teori dan Praktis*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 12. Rujuk juga Micheal D. Harkavy (ed.), *The New Webster's International Encyclopedia*, hlm. 581.

Majikan juga menggunakan khidmat hamba abdi untuk mengumpul maklumat dan berita. Hamba abdi diarahkan mengikuti persidangan Senat.¹⁸ Laporan persidangan akan disampaikan kepada majikan.¹⁹

Di China, warta bertulis terawal ialah *Ti Pao* yang dihasilkan pada abad ke-8 SM. Isi kandungannya terdiri daripada maklumat dan perkembangan semasa pentadbiran. Selain *Ti Pao*, terdapat dua lagi warta diterbitkan iaitu *Ch'ao Pao* yang mengandungi berita rasmi istana dan *Kung Men Ch'ao*, khusus untuk warta rasmi istana maharaja.²⁰

Perkembangan penerbitan persuratkhabaran semakin pesat apabila Johann Gutenberg²¹ berjaya mencipta mesin cetak. Ini menyebabkan penyebaran berita semakin meluas. Marshall McLuhan berpendapat penciptaan mesin percetakan memberikan sumbangan besar kepada penyebaran dunia maklumat.²² Perkembangan percetakan dan penerbitan

¹⁸ Ia merupakan institusi pentadbiran yang dianggotai oleh golongan *patrician* (bangsawan) Rom yang terdiri daripada bekas majistret dan pegawai tinggi kerajaan. Senat juga dikenali sebagai Majlis Penasihat kepada Maharaja Rom. Ia juga berperanan menentukan dasar kewangan dan hubungan diplomatik Rom. *The Hutchinson Dictionary of World History*, Helicon Publishing Ltd., London, 1995, hlm. 517.

¹⁹ Mohd. Salleh Kassim, *Kewartawanan*, hlm. 17-18.

²⁰ Anthony Smith, *The Newspaper*, hlm. 14. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Lin Yutang, *A History of the Press and Public Opinion in China*, Greenwood Press Publishers, New York, 1968, hlm. 11-76.

²¹ Johann Gutenberg (1400-1468) adalah tokoh Jerman yang berjaya mencipta mesin cetak dengan *cast metal types*. Pada 1450, beliau memiliki penerbitan Mainz yang dibiayai oleh Johann Fust. Pada 1445, beliau menyerahkan penerbitannya kepada Fust. Micheal D. Harkavy (ed.), *The New Webster's International Encyclopedia*, hlm. 465.

persuratkhabaran semakin pesat ekoran pengukuhan penjajahan kuasa Barat di samping memenuhi keperluan perdagangan khususnya pada abad ke-18 dan 19.²³

Pada 1644, *Post Och Inrikes Tidningar* diterbitkan di Sweden. Ia merupakan akhbar pertama di Eropah²⁴ yang menepati ciri-ciri akhbar moden.²⁵ Di Britain, akhbar pertama diterbitkan ialah *Oxford Gazette* pada 1665. Akhbar pertama di Amerika Syarikat ialah *Publick Occurrences Both Forreign and Domestick* di Boston pada 1690.²⁶

Di Mesir, akhbar pertama diterbitkan ialah *Le Courier de L'Egypte* pada Ogos 1798. Ia juga merupakan akhbar pertama diterbitkan di Timur Tengah. Pada November 1798,

²² Mohd. Salleh Kassim, *Kewartawanan*, hlm. 18. Marshall McLuhan, "The Medium Is The Message" dalam Allan Wells (ed.), *Mass Media and Society*, Mayfield Publishing Company, California, 1975, hlm. 197-204.

²³ Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1992, hlm. 19 ; 30. John. B. Thompson, *The Media and Modernity*, hlm. 64-69.

²⁴ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Joseph Frank, *The Beginnings of the English Newspaper 1620-1660*, Harvard University Press, Cambridge, 1961, hlm. 1-31. Anthony Smith, *The Newspaper*, hlm. 7-37. John. B. Thompson, *The Media and Modernity*, hlm. 63-69. Great Britain Central Office of Information Reference Division, *The British Press*, Reference Division Central Office of Information, London, 1966.

²⁵ Antara ciri-cirinya, ia mempunyai ruangan rencana pengarang, rencana umum, kolumn khas pendapat dan surat pembaca, ilustrasi, ruangan berita dan komik. Melvin L. De Fleur and Sandra Ball-Rokeach (terjemahan Noor Bathi Hj. Baharudin), *Teori Komunikasi Massa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 42.

²⁶ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Edwin Emery, *The Press and America : An Interpretative History of Mass Media*, Prentice-Hall, London, 1978. Bernard A. Weisberger, *The American Newspaperman*, The University of Chicago Press, Chicago, 1961. Gerard Previn Meyer, *Pioneers of the Press : The First Newspaper in America*, Fawcett Publications, New York, 1961.

sebuah lagi akhbar bahasa Perancis diterbitkan iaitu *La Decade Egyptienne*. Akhbar bahasa Arab pertama diterbitkan ialah *al-Hawadith al-Yawmiyya* (terbit sekitar 1799-1800).²⁷

Benggal Gazette yang diterbitkan pada 1780 merupakan akhbar pertama di India. Pada 1821, *Mirat-ul-Akbar* diterbitkan sebagai akhbar pertama yang menggunakan bahasa Arab. *Bombay Samachar* pula merupakan akhbar harian pertama yang diterbitkan sejak 1822.²⁸

Sejarah akhbar moden di China bermula apabila *Tunghsiyank'ao Meiyueh T'ung-chichuan* diterbitkan pada 1833 di Canton, sebagai akhbar mingguan. Walaupun *Chung Ngori San Po* mula diterbitkan sejak 1858 (sebagai edisi bahasa Cina bagi *Chinese Mail* yang merupakan akhbar harian), tetapi ia bukanlah akhbar harian pertama di China. Ia bermula apabila *Wah Tze Yah Pao* diterbitkan pada 1864.²⁹

Akhbar terawal diterbitkan di Jepun ialah *Batavia Shimbun* pada 1861 oleh Kesyogunan Tokugawa³⁰ untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan luar negeri. Tetapi, ia

²⁷ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ami Ayalon, *The Press in the Arab Middle East : A History*, Oxford University Press, New York, 1995, hlm. 11-46.

²⁸ Untuk perbincangan lanjut, rujuk S. Natarajan, *A History of the Press in India*, Asia Publishing House, Bombay, 1962, hlm. 3-42.

²⁹ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Lin Yutang, *A History of the Press and Public Opinion in China*, hlm. 77-93.

hanya terjemahan daripada akhbar rasmi Belanda, *Javasche Courant*. Akhbar pertama yang diasaskan ialah *Kagai Shimbun* pada 1865. *Yokohama Maniachi Shimbun* yang diterbitkan pada 1871 pula merupakan akhbar harian pertamanya.³¹

Di Asia Tenggara, sejarah persuratkhabaran bermula di Filipina apabila *Succesos Felices* (Peristiwa-peristiwa yang Mujur) diterbitkan pada 1637. Di Manila, akhbar pertama diterbitkan ialah *Del Superior Gobierno* pada 1811. Akhbar pertama diterbitkan di Indonesia ialah *Bataviase Nouvelles* pada 1788. Di Tanah Melayu, akhbar pertamanya ialah *The Princes of Wales Island Gazette* yang diterbitkan pada 1806 di Pulau Pinang.³²

Akhbar Melayu pertama diterbitkan di Asia Tenggara ialah *Soerat Kabar Bahasa Melajoe* pada 1856 di Surabaya. Pada 1858, *Soerat Chabar Betawi* diterbitkan. Ia merupakan akhbar pertama yang dicetak dalam rumi dan jawi. Di Tanah Melayu, akhbar Melayu pertamanya ialah *Jawi Peranakkan* yang diterbitkan pada 1876.³³

³⁰ Ia diasaskan oleh Tokugawa Ieyasu (1542-1616). Kesyogunan Tokugawa memerintah Jepun pada 1603-1868. Ia berjaya ditumbangkan oleh golongan Choshu, Satsuma dan Tosa pada 1868 dan digantikan dengan pemerintahan Meiji (1868-1912). *The Hutchinson Dictionary of World History*, hlm. 568. Untuk butiran lanjut, rujuk *Kodansha Encyclopedia of Japan*, Kodansha Ltd., Tokyo, 1983, hlm. 45-57.

³¹ Untuk perbincangan lanjut, rujuk John A. Lent, *Newspaper in Asia : Contemporary Trends and Problems*, Heinemann Asia, Hong Kong, 1982, hlm. 99-104.

³² Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 19-33. Mohd. Safar Hasim, *Akhbar dan Kuasa : Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996, hlm 57-67. John A. Lent, *Newspaper in Asia : Contemporary Trends and Problems*, hlm. 193-280.

Perkembangan persuratkhabaran di Asia Tenggara turut mempengaruhi perkembangan di Sarawak. Sejarah persuratkhabaran di Sarawak 1870-1950 dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama : Tahap I (1870-1930), Tahap II (1931-1945) dan Tahap III (1946-1950). Selain perkembangan akhbar tempatan, pengedaran akhbar dan majalah luar negeri juga disentuh. Ia bertujuan memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap perkembangan persuratkhabaran di Sarawak.

Pada tahap I (1870-1930), terdapat sekurang-kurangnya lima akhbar diterbitkan di Sarawak. Penerbitan *Sarawak Gazette*³⁴ pada 1870 menandakan bermulanya sejarah persuratkhabaran di Sarawak. Pada 1908, sebuah lagi akhbar diterbitkan iaitu *Sarawak Government Gazette*.³⁵

³³ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 34-91.

³⁴ *Sarawak Gazette* diterbitkan pada 26 Ogos 1870 oleh Sarawak Government Printing sebagai akhbar bulanan yang bersifat semi kerajaan. Ia dijual 5 sen senaskhah. Tujuan penerbitannya ialah “it will endeavour to provide those Europeans who reside at Outstations with concise statement of official business and other matters of public in Sarawak together with a summary of the latest intelligence obtained by telegram or newspaper from Europe ... will be to serve as recognised record of the conditions of the various resedencies under the Sarawak Government, in their relations to the natives and to the trading interest which most of them posses, for circulations in other countries and settlements”. Berita yang dimuatkan tertumpu kepada aspek pentadbiran dan perdagangan. Terdapat juga berita luar negeri. Kegiatan dan aktiviti masyarakat tidak banyak dipaparkan. Terdapat ruangan rencana pengarang, berita, iklan dan surat pembaca. *Sarawak Gazette*, 20 Ogos 1870. Naskahnya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching. Salinan mikrofilem terdapat di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

³⁵ *Sarawak Government Gazette* diterbitkan pada 16 Jun 1908 sebagai akhbar rasmi Brooke. Ia dicetak oleh Sarawak Printing Office. Isi kandungannya khusus untuk warta kerajaan, perkembangan pentadbiran, perundangan, kehakiman dan penyata rasmi. Naskahnya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching dan salinan mikrofilem di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

Sejarah persuratkhabaran Melayu hanya bermula apabila *Fajar Sarawak* diterbitkan pada 1930³⁶ – 22 tahun selepas penerbitan *Sarawak Government Gazette* dan 40 tahun lewat kemunculan *Sarawak Gazette*. Dalam tempoh ini, tidak ada majalah Melayu diterbitkan di Sarawak meskipun penerbit *Fajar Sarawak* pernah menyatakan hasrat menerbitkannya untuk menggantikan *Fajar Sarawak*.³⁷

Selain akhbar Inggeris dan Melayu, akhbar Cina juga diterbitkan. Akhbar Cina yang pertama ialah *Shen Won Kie Min Sing Pao*. Ia diterbitkan pada September 1913 di Kuching sebagai akhbar mingguan, setiap Sabtu. Akhbar ini dipengaruhi oleh fahaman Koumintang.³⁸ Ia diharamkan pada 3 Oktober 1913. Pada 1927, *Xin Min Ri Bao* diterbitkan di Kuching sebagai akhbar harian. Akhbar ini dihentikan pada 1930.³⁹

³⁶ Untuk perbincangan ringkas tentang latar belakang dan isi kandungannya, rujuk *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 725-726. Persatuan Kesusasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak : Akhbar Bahasa Melayu Yang Pertama Di Sarawak 1930*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1984, hlm. xv-xxii.

³⁷ *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 3-4.

³⁸ Perkataan asalnya “Goumindang”. Parti Komintang Rakyat China (PKRC) diasaskan pada 1894 oleh Dr. Sun Yat Sen yang menggulingkan Dinasti Manchu pada 1912. Mulai 1927, berlaku konflik dalam PKRC antara Chiang Kai Sek dan Mao Ze Dong (yang kemudiannya memimpin Parti Komunis China di Yanan pada 1935) sehingga membawa kemenangan komunis pada 1949. *The Hutchinson Dictionary of World History*, hlm. 251.

³⁹ Tan Eng Teik, “Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina Di Malaysia”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia : Sejarah dan Perkembangan*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1988, hlm. 104.

Selain penerbitan lima buah akhbar tersebut, terdapat juga akhbar dan majalah luar negeri yang dipercayai pernah diedarkan ke Sarawak. Antaranya akhbar *Jawi Peranakkan*⁴⁰ yang mendakwa mempunyai wakil jualannya di Sarawak.⁴¹ *Sekola Melayu*,⁴² *Jajahan Melayu*⁴³ dan *Pemimpin Warita*⁴⁴ turut mendakwa mempunyai wakil jualannya di Sarawak.⁴⁵

⁴⁰ *Jawi Peranakkan* diterbitkan di Singapura pada 1876. Ia diasaskan oleh Munshi Mohd. Said bin Dada Mohyiddin dan digantikan oleh Munshi Mohd. Ali bin Ghulam Al-Hindi. Ia dicetak dengan huruf jawi, empat halaman dan terbit setiap Isnin. Penerbitannya dihentikan pada 1895. Ejaan asal akhbar ini ialah *Jawi Peranakkan* (dua huruf ‘k’) dan bukannya *Jawi Peranakan* (satu huruf ‘k’). Abdul Rahman Haji Ismail, “*Jajahan Melayu dan Sri Perak* : Satu Catatan Tentang Dua Akhbar Melayu Semenanjung Tanah Melayu Akhir Kurun Kesembilan Belas”, dalam *Kajian Malaysia, Journal of Malaysian Studies*, Jilid VI, No. 2, Disember 1988, hlm. 19. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 1. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, Eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1961, hlm. 1. Ahmat Adam berpendapat *Jawi Peranakkan* “berorientasikan Islam ... menyiarkan syair dan makalah yang membimbang akhlak dan memberikan panduan keagamaan” dan “menjadikan Islam sebagai wadah mendefinisikan istilah Melayu”. Malah, “Islamlah yang menyebabkan mereka menganggap diri mereka itu (golongan Jawi Peranakan) sebagai Melayu”. Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 60 ; 91.

⁴¹ William R. Roff, *Nasionalisma Melayu* (terjemahan Ahmad Boestamam), Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 66. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai : Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hlm. 1. Abdul Rahman Haji Ismail, “*Jajahan Melayu dan Sri Perak*”, hlm. 19. Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 59.

⁴² *Sekola Melayu* diterbitkan pada 1 Ogos 1888 di Singapura. Pengasasnya Mohammed Ali bin Gholam Hoesin Al-Hindi (bekas pengarang *Jawi Peranakkan*) dan Faidz Ali. Ia diterbitkan setiap Rabu, berhuruf jawi dan dicetak empat halaman. *Sekola Melayu* berusaha menanam minat suka membaca dan memperkatakan aspek kemajuan pelajaran Melayu. Ia turut menyiarkan berita dari Sarawak dan memetik berita dari *Sarawak Gazette*. Untuk butiran lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 61-65.

⁴³ *Jajahan Melayu* diterbitkan di Perak pada 4 November 1896 oleh Taiping Press. Pengasasnya Sayid Abul Hassan Burhan dan Muhammad Omar sebagai pengarang. Ia

Majalah *Al-Imam*⁴⁶ juga mendakwa mempunyai wakil jualannya di Sarawak.⁴⁷ Meskipun belum dijumpai naskhah *Al-Imam* dan tidak terdapat tokoh sezaman yang dapat mengesahkan dakwaannya, tetapi ia bukannya tidak berasas langsung. Peresapan idea dan pengaruh reformis Islam ke Sarawak sememangnya diakui oleh ulama⁴⁸ Sarawak yang terkenal. Beliau ialah Sheikh Haji Othman Abdul Wahab.⁴⁹

diterbitkan sebagai akhbar mingguan, berhuruf jawi dengan empat halaman bercetak. Penerbitannya dihentikan pada 28 Oktober 1897. Untuk butiran lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 67-68. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 2. Abdul Rahman Haji Ismail, “Jajahan Melayu dan Sri Perak”, hlm. 1-22.

⁴⁴ *Pemimpin Warita* diterbitkan di Pulau Pinang pada 4 November 1895 oleh Khor Teow Han. Pengarang pertamanya Mohd. Ally Haroon Al-Hindi. Penerbitannya dihentikan pada Ogos 1897. Untuk butiran lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 75-76.

⁴⁵ Ibid. , hlm. 64 ; 86.

⁴⁶ *Al-Imam* diterbitkan pada 22 Julai 1906 di Singapura. Ia dicetak dengan huruf jawi, 32 halaman. *Al-Imam* dicetak oleh Matba’ah Melayu, Tanjung Pagar dan kemudiannya, *Al-Imam* Printing Company Ltd. Ia diterbitkan sebagai majalah bulanan. Antara pengasasnya Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Al-Hadi, Sheikh Mohd. Salim dan Haji Abas Taha. Untuk perbincangan lanjut, rujuk William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 71-113. Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam : Its Role in Malay Society 1906-1908*, Media Cendikiawan Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1981. Abdullah Hj. Jaafar, “*Al-Imam* Dalam Nasionalisme Melayu”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975. Zulkifli Mohamad, “*Al-Imam* : Penyalin Gagasan Islah Islamiyah Kaum Muda 1906-1908”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/1984.

⁴⁷ Abdul Aziz Mat Ton, “Gerakan Ansarul Sunnah Dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/1973, hlm. xi dan *Politik al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 170. William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 66.

⁴⁸ Menurut *First Encyclopaedia of Islam 1913-1936*, ulama’ ialah “one who possesses the quality of ‘ilm : knowledge, learning, science in the widest sense, and in high degree (*mubalaghah*)”. Untuk perbincangan lanjut, rujuk E.J. Brill (et al.), *First Encyclopaedia of Islam 1913-1936*, M.T. Houtsma, Leiden, 1987, hlm. 994. Untuk perbezaan antara

Akhbar *Saudara*⁵⁰ dan majalah *Semangat Islam*⁵¹ juga mendakwa mempunyai wakil jualannya di Kuching.⁵² Majalah *Seruan Azhar*⁵³ dan *Pilehan Timor*⁵⁴ pula menyatakan ia bukan sekadar mempunyai wakil jualan malah tersebar luas ke Borneo.⁵⁵

ulama' Sunni dan Syiah, rujuk John. L. Esposito, *The Oxford Encyclopedia of the Modern Islamic World*, Vol. 4, Oxford University Press, New York, 1995, hlm. 258-264.

⁴⁹ Beliau lahir pada 10 Muharam 1281 Hijrah (1863 Masehi). Ayahnya, Haji Abdul Wahab meninggal dunia sebelum beliau dilahirkan. Ibunya meninggal dunia selepas melahirkannya. Beliau menjadi anak yatim piatu sejak kecil lagi. Sheikh Othman diambil sebagai anak angkat oleh keluarga Datu Hakim Abdul Rahman, tokoh ulama' Sarawak. Beliau mendapat asuhan dan pendidikan Islam hingga berumur tujuh tahun. Sejak kecil lagi, beliau menunjukkan bakat dan minat dalam bidang Islam. Sheikh Othman menguasai ilmu nahu, saraf dan faraid dengan baik kerana daya hafazan yang tinggi. Beliau dihantar oleh Datu Hakim Abdul Rahman menuntut di Mekah bersama adik angkatnya, Ashari dan Azahari pada 1299 Hijrah (1881 Masehi) ketika berumur 18 tahun. Beliau menuntut di Mekah selama 15 tahun. Sheikh Othman diangkat sebagai guru di Masjidil Haram Mekah kerana kejayaannya menguasai pelbagai ilmu Islam. Beliau meninggal dunia pada 23 Zulkaedah 1339 Hijrah (1921). Jenazahnya disemadikan di Mekah. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Abdul Kadir Hassan, "Ketokohan dan Pemikiran Sheikh Othman Sarawak", Laporan Seminar Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Sarawak, 5-9 Oktober 1982, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Malaysia), Kuching, hlm. 2-5. Mohammad Jasni Hipni, "Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Di Bahagian Kuching Abad ke-20", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999, hlm. 34-38.

⁵⁰ *Saudara* diasaskan oleh Syed Sheikh Ahmad Al-Hadi pada 29 September 1928 di Pulau Pinang. Ia diterbitkan setiap Sabtu dengan huruf jawi, empat halaman. Mulai Januari 1930, *Saudara* diterbitkan dua kali seminggu (Rabu dan Khamis). Motonya, "Warta Am, Pelajaran, Pengetahuan, Perkhabarhan". Antara pengarang *Saudara* yang terkenal Mohd. Yunus Abdul Hamid, Syed Sheikh Al-Hadi dan Abdul Rahim Kajai. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 52-59. Mohd. Syahir Othman, "Syed Sheikh Al-Hadi dan Akhbar *Saudara* 1928-1941", Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000, hlm. 34-38. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 20. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 15.

⁵¹ *Semangat Islam* diasaskan oleh Abdul Latif Hamidi di Pulau Pinang pada 1 November 1929. Ia dicetak oleh Jelutong Press dengan huruf jawi, 24 halaman sebagai akhbar bulanan. Penerbitannya ditamatkan pada Januari 1931. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 17. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 22.

Pengaruh reformis Islam terus berkembang ke Sarawak hingga meletusnya Perang Dunia Ke-II. Sheikh Othman Abdul Wahab menyatakan beliau menjadi tempat rujukan utama bagi golongan terpelajar yang terpengaruh dengan idea reformis Islam. Ia berlaku ketika beliau berkunjung ke Kuching pada 1920.⁵⁶

⁵² Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 54. Mohd. Syahir Othman, “Syed Sheikh Al-Hadi dan Akhbar Saudara 1928-1941”, hlm. 43. Suraiya Abdul Wahab, “Semangat Islam 1929-1931”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000, hlm. 11.

⁵³ *Seruan Azhar* diterbitkan oleh Al-Jamiyyah Al-Khairiyah. Penerbitan pertamanya pada Oktober 1925. Ketua Editornya Djanan Taib. Ia dijual dengan harga \$3.00 senaskkah. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohammad Redzuan Othman, “Call of the Azhar : The Malay Students Sojourn in Cairo Before World War II”, dalam *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, No. 3 / 1994-1995, hlm. 95-110. Zainab Tambul, “*Seruan Azhar (1925-1928)* : Satu Kajian Tentang Idea Pengislahannya Kepada Masyarakat Melayu”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998, hlm. 41-152. Md. Saidin Ahmad Ishak, “Akhbar Dan Percetakan Melayu Di Timur Tengah”, Pertemuan Dunia Melayu Di Tanah Suci, 29 Mei-6 Jun 2000, Persatuan Penulis Nasional Malaysia Sekretariat Melayu Antarabangsa, Jedah, hlm. 1-20. (Jawi). William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 40.

⁵⁴ *Pilehan Timor* diterbitkan oleh Persatuan Penuntut Melayu Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia di Mesir. Ia dicetak oleh Matba’ah Al-Taqaddum. Ia bertujuan menyebarkan idea islah Islamiah di samping mengeratkan persaudaraan Islam. Mereka juga menerbitkan majalah *Ittihad, Usaha Pemuda* dan *Merdeka*. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohammad Redzuan Othman, “Call of the Azhar”, hlm. 95-110. Zainab Tambul, “*Seruan Azhar (1925-1928)*”, hlm. 41-152. Md. Saidin Ahmad Ishak, “Akhbar Dan Percetakan Melayu Di Timur Tengah”, hlm. 1-20. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 40.

⁵⁵ Mohammad Redzuan Othman, “Call of the Azhar”, hlm. 109. Zainab Tanbul, “*Seruan Azhar (1925-1928)*”, hlm. 44.

⁵⁶ Abdul Kadir Hassan, “Ketokohan dan Pemikiran Sheikh Othman Sarawak”, hlm. 4.

Dalam konteks ini, berkemungkinan besar lidah rasmi reformis Islam seperti *Neracha*, *Tunas Melayu*, *Al-Islam* dan *Al-Ikhwan* juga diedarkan ke Sarawak.⁵⁷ Selain lidah rasmi reformis Islam dari Tanah Melayu, Sheikh Othman Abdul Wahab menyatakan majalah *Al-Manar*⁵⁸ yang menjadi juru cakap reformis Islam di Mesir turut diedarkan ke Sarawak. Menurutnya lagi, pengaruh reformis Islam juga berkembang ke Sarawak dari Indonesia.⁵⁹

⁵⁷ *Neracha* diterbitkan di Singapura pada Jun 1911. Ia diasaskan oleh Haji Abas Taha dan dibantu oleh K. Anang. *Neracha* dicetak oleh Matba'ah Melayu sebagai akhbar mingguan, berhuruf jawi, empat halaman. Sehingga Mei 1912, *Neracha* diterbitkan tiga kali sebulan. Selepas Mei 1912, ia diterbitkan sebagai akhbar mingguan. *Tunas Melayu* diasaskan oleh Haji Abas Taha pada Mac 1913 di Singapura. Beliau dibantu oleh K. Anang. Ia diterbitkan sebagai majalah bulanan. Majalah *Al-Islam* diasaskan oleh Abdul Kadir Yunus pada 1912. Kebanyakan isi kandungannya merupakan terjemahan daripada majalah *Islamic Review*. Antara penterjemahnya K. Anang dan Mohammad Al-Junid. *Al-Islam* dicetak oleh Al-Ikhwan Press dengan huruf jawi, 32 halaman. *Al-Ikhwan* diterbitkan di Pulau Pinang pada 16 September 1926 oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Ia dicetak dengan huruf jawi, 32 halaman sebagai majalah bulanan. Pada mulanya ia dicetak oleh The British Malaya Company dan kemudiannya Jelutong Press. Penerbitannya dihentikan pada Disember 1933. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 29-68. A. M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 6-22. Untuk perbincangan lanjut tentang *Neracha* dan *Al-Ikhwan*, rujuk Haslinda Osman, “*Neracha 1910-1915*”, Latihan Ilmiah B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996 dan Ahmad Fuad bin Affandi, “*Al-Ikhwan 1926-1931 : Idea dan Pemikiran*”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996.

⁵⁸ *Al-Manar* diasaskan oleh Syed Muhammad Rashid Ridha pada 17 Mac 1898. Majalah ini adalah organ penting reformis Islam di Mesir. Tujuannya ialah “to prove the suitability of Islam as a religious system under present conditions and the practicability of the Divine Law as an instrument of government, to remove superstitious and beliefs that do not belong to Islam and to counteract false teaching and interpretations of Muslim beliefs... to promote general educations and to encourage progress in Science and Arts and to arouse the Muslim nations to competitions with other nations in all matter which are essential to national progress”. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publishing, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 38. Zainab Tambul, “*Seruan Azhar (1925-1928)*”, hlm. 14-15.

⁵⁹ Abdul Kadir Hassan, “Ketokohan dan Pemikiran Sheikh Othman Sarawak”, hlm. 4.

Pengasasan Persaudaraan Sahabat Pena Se-Malaya (PASPAM)⁶⁰ Cawangan Kuching⁶¹ pada 1936 mengukuhkan lagi peresapan idea reformis Islam di Sarawak. Cawangan PASPAM juga ditubuhkan di Sibu, Miri dan Lutong.⁶²

Pengedaran akhbar dan malajah luar negeri juga dapat dikesani melalui *Fajar Sarawak*. Ia menggunakan akhbar dan majalah luar negeri sebagai sumber rujukannya. Antaranya *Hadramaut*, *Al-Iqbal*, *Saiful Islam*, *Majalatul Arussatil Arabiah* dan *Al-Khalifah*.

⁶⁰ Ia juga dikenali sebagai Sahabat Pena. PASPAM terlahir melalui akhbar *Saudara* yang dipunyai oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Ketika itu, pengarang *Saudara* ialah Sheikh Tahir Jalaluddin. Dengan sokongan hangat dari pembaca, Sahabat Pena diasaskan secara rasmi pada 7 April 1934. Ia mempunyai bahagian pemuda dan wanita. Lembaga Bahasa PASPAM ditubuhkan pada 1938. Majalah rasminya ialah *Paspam*. Di kemuncak kemasyhurannya, ahli Sahabat Pena berjumlah 9867. Za'ba pernah dilantik sebagai Ahli Kehormat Sahabat Pena (1935) dan Penasihat Umumnya (1938). Pada 11 November 1934, Sahabat Pena berjaya mengadakan Persidangan Kebangsaan buat pertama kalinya di Taiping, Perak. Ia bergerak aktif hingga 1941. Keahlian Sahabat Pena meliputi Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Sabah. Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 134-153. William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 268-281. Abdul Latif Abu Bakar, "Paspam : Pertubuhan yang Berkaitan Persuratan yang Pertama di Bumi Pulau Pinang", dalam Abdul Latif Abu Bakar (ed.), *Warisan Sastera Pulau Pinang*, Biro Penerbitan Gapena, Kuala Lumpur, 1985, 134-151 dan "Peranan PASPAM dalam Kegiatan Bahasa dan Sastera Melayu", dalam S. Othman Kelantan (ed.), *100 Tahun Pergerakan Bahasa dan Sastera Melayu 1888-1988*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 127-134.

⁶¹ Pemimpin PASPAM Cawangan Kuching terdiri daripada Datu Amar Abang Sulaiman (Pengerusi), Mohd. Nawawi (Setiausaha) dan Hasbee Abu Bakar (Penolong Setiausaha). Keahliannya 80 orang. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 141.

⁶² Ibid.

Kesemua sumber ini diperolehi dari Timur Tengah. *Fajar Sarawak* juga memetik berita luar negeri daripada *Reuter, Finance and Commerce* dan *Muslim Outlook*.⁶³

Akhbar dan majalah dari Indonesia juga digunakan oleh *Fajar Sarawak*. Antaranya *Suara Aceh, Dewan, Fajar Islam* dan *Bintang Islam*.⁶⁴ Selain sumber rujukan dari Timur Tengah, Eropah dan Indonesia terdapat juga akhbar dan majalah dari Tanah Melayu seperti *Dunia Melayu, Idaran Zaman, Bulan Melayu* dan *Kenchana*.⁶⁵ Majalah Inggeris juga pernah menjadi sumber rujukan *Fajar Sarawak* iaitu *Real Islam*.⁶⁶

⁶³ *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 1-2 dan 16 Jun 1930, hlm. 6-7.

⁶⁴ *Suara Aceh* diterbitkan di Aceh sebagai akhbar bulanan. Ia dicetak dengan huruf rumi. Pengarangnya T.M. Osman. Isi kandungannya “menyeru kepada persatuan, kemajuan dan agama Islam dan memuatkan serba-serbi perkhabaran dan ajaran-ajaran berfaedah”. *Dewan* diterbitkan di Jogjakarta sebagai majalah dwi bulanan. Ia dicetak dengan huruf rumi. Isi kandungannya “menerangkan kebenaran agama Islam, politik menyeru kepada bersatu dengan jalanan Islam dan membawakan perkhabaran umat Islam terutama di dalam Eropah” selain “menyinarkan kebenaran Islam dan menyerangkan agama lain”. Menurut *Fajar Sarawak*, membacanya seperti “mendengarkan lecture di rumah tuan sendiri”. *Fajar Islam* diterbitkan sebagai majalah bulanan di Sibolga. Ia dicetak dengan huruf jawi. Isinya “menyiarkan kebenaran agama Islam dengan bersendi Al-Quran dan hadith dan menyeru kepada kemajuan yang hak serta memuatkan perkhabaran dunia Islam dan pemandangan yang luas”. Ia disifatkan oleh *Fajar Sarawak* sebagai kunci “rahsia kesucian agama Islam dan [membuka] tembelang agama lain”. *Bintang Islam* merupakan majalah yang diterbitkan oleh Syarikat Muhamadiyah di Jogjakarta. Ia dicetak dengan huruf jawi. Isi kandungannya “memuatkan keterangan-keterangan agama dan menyeru kepada kemajuan, persatuan dan kemajuan dengan jalanan Islam”. *Fajar Sarawak*, 1 Jun 1930, hlm. 6 dan 16 Jun 1930, hlm. 5. Untuk senarai lengkap akhbar dan majalah yang diterbitkan di Indonesia sehingga awal abad ke-20, rujuk Ahmat Adam, *The Vernacular Press and The Emergence of Modern Indonesian Consciousness 1885-1913*, Cornell Southeast Asia Program, New York, 1995, hlm. 183-190 dan *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 95-113.

⁶⁵ *Dunia Melayu* diterbitkan di Pulau Pinang pada 20 Disember 1928. Pengarangnya Dibab Mohd. Salleh. Ia dicetak dengan huruf jawi, 24 halaman. *Dunia Melayu* merupakan majalah bulanan dan diterbitkan dua tahun sahaja. *Idaran Zaman* diterbitkan

Keterbatasan bahan dan sumber tempatan menyebabkan perkembangan persuratkhabaran luar negeri ke Sarawak masih tidak jelas. Selepas penutupan *Fajar Sarawak*, tidak ada sumber tempatan lain yang merakamkan perkembangan akhbar dan majalah luar negeri.

Selain nama yang dinyatakan oleh *Fajar Sarawak*, dipercayai masih ada lagi akhbar dan majalah yang berada di pasaran tempatan. Pada 1930-an, terdapat kedai Melayu yang menjadi agen penjual akhbar dan majalah, bahkan buku dari luar negeri. Antaranya

di Pulau Pinang pada 1 Januari 1925. Ia diasaskan oleh Haji Abdul Aziz. Pengarang pertamanya Mohd. Yunos Abdul Hamid. Akhbar ini dicetak dengan huruf jawi. Ia diterbitkan sebagai akhbar mingguan. Penerbitannya dihentikan pada Januari 1930. *Bulan Melayu* diterbitkan pada 1 Jun 1930 oleh Persekutuan Guru Perempuan Melayu Johor. Pengarangnya Zain Sulaiman (Ibu Zain). Ia dicetak dengan huruf jawi. Majalah bulanan ini merupakan majalah wanita Melayu pertama di Tanah Melayu. *Kenchana* diterbitkan di Kota Bahru pada April 1930. Pengasasnya Siti Mariam Saadi. Pengarang pertamanya As'ad Haji Muda. Ia dicetak dengan huruf rumi oleh Matba'ah Al-Kamaliah Kota Bahru, 28 halaman. Ia pernah diterbitkan sebagai majalah bulanan dan dwi tahunan. Ia dihentikan pada 1931. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 5-17. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 11-21. Untuk perbincangan lanjut tentang *Bulan Melayu*, rujuk Hasnah Hussiin, “*Bulan Melayu (1930-1938)*”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/1996. Rahimah Isa, “Peranan *Bulan Melayu (1930-1938)* Sebagai Penggerak Kesedaran Sosial Di Kalangan Masyarakat Melayu”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000. Untuk perbincangan lanjut tentang *Dunia Melayu*, rujuk Muhamad Zakidi Mat Yazid, “*Dunia Melayu 1928-1930*”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1999/2000.

⁶⁶ *Real Islam* diterbitkan pada 1928-1930 di Singapura sebagai majalah bulanan. Pengarangnya A.M. Jamaluddin dan Abdul Wahab Abdul Rahman. Penerbitan *Real Islam* turut dibiayai oleh Muhammad Abdul Aleem Sahab Sidiqi Al-Qadiri dari India. Untuk butiran lanjut, rujuk William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 15. Menurut *Fajar Sarawak*, isi kandungan *Real Islam* “menerangkan kebenaran Islam sejati dengan alasan yang boleh memuaskan hati.” Pengarangnya pula terdiri daripada “kaum muslimin yang terpelajar”. *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 5.

Shaikh Dawood & Company, Sarawak Malay Trading dan H.K. Abdul Rahman & Brothers. Ketiga-tiga kedai ini terletak di Kuching.⁶⁷

Pada tahap II (1931-1945), tidak banyak yang diketahui mengenai perkembangan akhbar dan majalah luar negeri. Hanya *Sarawak Gazeete* dan *Sarawak Government Gazette* yang masih bertahan hingga meletusnya Perang Dunia Ke-II. Dari 1931 hingga meletusnya Perang Dunia Ke-II, tidak ada akhbar dan majalah Melayu tempatan diterbitkan.

Dalam tempoh 1937-1939, *Warta Malaya*,⁶⁸ *Warta Ahad*,⁶⁹ *Warta Jenaka*⁷⁰ dan *Majalah Chenderamata*⁷¹ turut diedarkan ke Sarawak. Menurut Mohamad Bujang,⁷² dalam

⁶⁷ *Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930, hlm. 1-8.

⁶⁸ *Warta Malaya* diasaskan oleh Syed Hussien Al-Sagoff pada 1 Januari 1930 di Singapura. Ia dicetak oleh Anglo-Asiatic Press dan Warta Malaya Press mulai 1 Januari 1934. Antara pengarangnya yang terkenal Onn Ja'afar, Syed Alwi Al-Hadi, Abdul Rahim Kajai dan Ibrahim Yaacob. Penerbitannya dihentikan pada 14 Ogos 1942. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hm. 18. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 65-69. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya : Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930-1941*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979, hlm. 1-27.

⁶⁹ *Warta Ahad* diasaskan oleh Syed Hussien Al-Sagoff di Singapura pada 5 Mei 1935. Ia dicetak oleh Warta Malaya Press sebagai akhbar mingguan. Antara pengarangnya yang terkenal Onn Ja'afar, Syed Alwi Ahmad Al-Hadi dan Abdul Rahim Kajai. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 34. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 27. Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar : Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 52.

⁷⁰ *Warta Jenaka* diterbitkan oleh Syed Hussien Al-Sagoff pada 7 September 1936 di Singapura. Ia dicetak oleh Warta Malaya Press setiap Isnin sebagai akhbar mingguan. Penerbitannya dihentikan pada Disember 1941. Abdul Rahim Kajai merupakan pengarangnya dari 7 September 1936-Disember 1942. Beliau dibantu oleh Hashim

tempoh ini terdapat tulisan golongan terpelajar Melayu di Sarawak yang disiarkan oleh akhbar dan majalah tersebut. Ia berbentuk rencana sejarah, cerpen dan sajak.⁷³

*Lembaga Malaya*⁷⁴ turut diedarkan ke Sarawak. Ia mempunyai wakil jualannya di Kuching. Ketika itu, *Lembaga Malaya* dipimpin oleh Onn Ja'afar⁷⁵. Pada masa yang

Yunos, Ibrahim Mahmud, Ishak Haji Muhammad dan Osman Kalam. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 39.

⁷¹ *Chenderamata* diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada 1 November 1923. Ia dicetak dengan huruf jawi, diterbitkan tiga kali sebulan. *Chenderumata* diterbitkan sehingga 1941. Selepas tamatnya Perang Dunia Ke-II, ia dicetak dengan huruf rumi hingga 1956. Antara pengarangnya Ibrahim Datuk Muda. Ibid., hlm. 12.

⁷² Mohammad Bujang lahir pada 25 Januari 1915 di Kampung Hilir, Simanggang. Beliau menuntut di Madrasah Melayu Sarawak pada 1931. Pada 1935-1937, beliau dihantar ke MPSI dan berkhidmat sebagai guru di Sekolah Abang Aing, Simanggang sehingga 1945. Pada 1946, beliau menjadi guru di Madrasah Melayu Sarawak tetapi meletak jawatan sebagai membantah penyerahan Sarawak kepada British. Beliau turut menyumbangkan rencana dalam *Utusan Sarawak* dengan nama samaran "Melati Sarawak" dan "Ikhlas". Pada pertengahan 1930-an, Mohammad Bujang juga pernah dilantik sebagai wakil *Warta Malaya* di Simanggang. Zaini Ojea, "Mohammad Bujang : Cerpenis Awal di Sarawak", dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 205-222. Mohd. Setar Mohd. Rani, "Kegiatan golongan terpelajar Melayu Sarawak di dalam bidang penulisan 1930-1950", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bilangan 13, 1984, hlm. 65.

⁷³ Selain Mohammad Bujang, Bolhassan Matasip turut menyumbangkan tulisannya kepada akhbar di Tanah Melayu iaitu *Lembaga Malaya* dan *Warta Malaya* sekitar 1937-1939. Beliau juga menyumbangkan tulisannya kepada *Fajar Sarawak*. Selepas tamatnya Perang Dunia Ke-II, Bolhassan Matasip meneruskan kegiatan penulisannya dan berjaya menghasilkan dua buah buku. Kesemua tulisannya tidak dapat dikesani lagi. Mohammad Dris, "Perkembangan Kesasteraan Malaysia di Sarawak : Satu Pendekatan daripada Sudut Sejarah" dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 63.

⁷⁴ *Lembaga Malaya* diterbitkan di Singapura pada 10 Disember 1943 oleh Onn Ja'afar dan Syed Alwi Sheikh Ahmad Al-Hadi. Ia diterbitkan sebagai majalah mingguan, berhuruf jawi. Penerbitannya dihentikan pada akhir 1941. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1960*, hlm. 32. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 26.

sama, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* juga berada di bawah kepemimpinannya.⁷⁶ Ini menyebarluaskan lagi perkembangan pemikiran dan pengaruh perjuangan golongan terpelajar Melayu dari Tanah Melayu ke Sarawak.

Sebelum meletusnya Perang Dunia Ke-II, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)⁷⁷ menghantar wakilnya ke Kongres Melayu Se-Tanah Melayu II yang diadakan

⁷⁵ Onn Ja'afar lahir di Bukit Gambir, Johor Bahru pada 3 Februari 1895. Ayahnya, Dato' Ja'afar Haji Muhammad adalah Menteri Besar Johor yang pertama. Onn mendapat pendidikan di Alderburgh Lodge School, London dan Maktab Melayu Kuala Kangsar. Pada 1911, Onn berkhidmat sebagai kerani dalam Perkhidmatan Awam Johor. Onn merupakan pengarang *Warta Negara*, *Warta Ahad*, *Lembaga Malaya*, *Lembaga* dan *Kritik*. Beliau merupakan pemimpin politik yang berpengaruh di Tanah Melayu. Onn pernah memimpin United Malay National Organization (UMNO), Parti Kemerdekaan Malaya (PKM) dan Parti Negara (PN). Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Ja'afar* dan "Dato' Onn Ja'afar 1895-1962", dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang, *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 117-155.

⁷⁶ Berhubung peranan dan pemikiran Onn Ja'afar sebagai wartawan dan nasionalis Melayu, rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar*, hlm. 25-61 dan "Dato' Onn Ja'afar : Wartawan dan Penerbit Akhbar 1930-1941", dalam Zainal Abidin Borhan (et al.), *Warisan Persuratan Johor*, Yayasan Warisan Johor, Johor Bahru, 1997, hlm. 266-290.

⁷⁷ Nama asalnya Persatuan Melayu Sarawak. Ia didaftarkan pada 10 Oktober 1939. Antara pengasasnya Haji Abdul Rahman Kassim, Johari Anang, Rasidi Muslim, Bolhassan Matasip, Mohammad Haji Kassim, Abang Ariffin Datu Imam Tua, Tuah Kasa, Mat Ibrahim, Edham Bojeng dan Mohd. Ma'amon Mohd. Nor. Ia ditubuhkan untuk menyatupadukan masyarakat Melayu di samping membela hak dan kepentingan mereka. Antara barisan kepemimpinan awalnya ialah Datu Amar Abang Sulaiman (Presiden), Haji Abdul Rahman Kassim (Naib Presiden) dan Johari Anang (Setiausaha Agung). Rujuk Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak : Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Kuching, 1989, hlm. 30-32. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke : The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 134-136.

pada 25-26 Disember 1940 di Singapura.⁷⁸ PKMS diwakili Abang Haji Zaini, Johari Anang, Mohd. Ma'amon Nor dan Haji Daud Bolhassan.⁷⁹ Mohd. Ma'amon Nor⁸⁰ dilantik sebagai wakil *Utusan Zaman*⁸¹ di Sarawak selepas menghadiri kongres tersebut. Peluang ini juga mendedahkan mereka kepada perkembangan persuratkhabaran dan perjuangan Melayu di Tanah Melayu.

⁷⁸ Kongres ini membincangkan pembangunan ekonomi Melayu, selain menegaskan pentingnya ditubuhkan persatuan bersifat kebangsaan. Usaha tersebut gagal, tetapi mereka mengambil keputusan mengadakan kongres ketiga di Ipoh pada 1941. Ia gagal diadakan kerana meletusnya Perang Dunia Ke-II. Sebelum ini, pada Ogos 1939 Kongres Melayu Se-Tanah Melayu I diadakan atas usaha Persatuan Melayu Selangor dan Kesatuan Melayu Singapura. Ia dihadiri oleh semua persatuan Melayu di Tanah Melayu. Pokok perbincangan kongres berkisar di sekitar cara-cara memperkuuhkan persatuan negeri, memajukan bangsa Melayu dan menubuhkan persatuan bersifat kebangsaan. Tetapi, tiada keputusan muktamad dicapai. Adnan Hj. Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 247-348. William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 307-309 ; 311-313.

⁷⁹ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 33.

⁸⁰ Beliau mendapat pendidikan di Sekolah St. Joseph, Kuching dan anak Melayu pertama lulus *Junior Cambridge* pada 1932. Ayahnya seorang peniaga dan datuknya (Ghafor) merupakan antara pemimpin penting memadamkan pemberontakan Cina pada 1857. Mohd. Ma'amon Nor pernah berkhidmat di Jabatan Pos dan Telegraf. Selain aktif dalam PKMS, beliau juga mengasaskan Barisan Pemuda Sarawak (BPS) pada 1947. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 133. Sabihah Osman, "The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 18, 1990, hlm. 151.

⁸¹ *Utusan Zaman* diterbitkan di Singapura pada 5 November 1939 oleh Utusan Melayu Press, berhuruf jawi. Ia diterbitkan sebagai akhbar mingguan. Antara pengarangnya yang terkenal ialah Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail. Pada Februari 1958, *Utusan Zaman* diterbitkan di Kuala Lumpur. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 45-46. Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai*, hlm. 69-73. William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 226 dan *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 37.

Penerbitan akhbar Cina diteruskan apabila *Gujing Xinwen Riken* diterbitkan pada 1937 di Kuching. Ia dihentikan pada 25 Disember 1941 akibat pendudukan Jepun. Sebuah lagi akhbar Cina yang diterbitkan pada 1937 ialah *Harian Sarawak*. Penerbitannya dihentikan apabila meletusnya Perang Dunia Ke-II.

Di Sibu, terdapat dua buah akhbar Cina yang diterbitkan pada 1939. *Berita Harian Sibu* diterbitkan pada 1 Julai 1939. Pada akhir Julai 1939, *Ejiang Ribao* diterbitkan. Kedua-dua akhbar ini digabung dan diterbitkan sebagai *Huangjiao Ribao*. Tetapi, ia dihentikan pada 25 Disember 1941.⁸²

Walaupun masyarakat Melayu tidak tahu membaca akhbar Cina, tetapi mereka menyedari kegiatan penerbitan akhbar Cina. Ia juga menjadi inspirasi kepada mereka untuk menerbitkan akhbar Melayu.

Pada zaman Jepun (1941-1945), *Khabar Harian Kuching* yang dicetak dengan huruf rumi diterbitkan di bawah kepemimpinan Johari Anang. *Khabar Harian Kuching* merupakan alat propaganda Jepun yang diterbitkan untuk mendapatkan sokongan rakyat dan menanam kebencian kepada British khususnya.⁸³ Tidak banyak yang diketahui

⁸² Tan Eng Teik, “Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina Di Malaysia”, hlm. 104.

⁸³ Di Tanah Melayu, akhbar yang berperanan sebagai alat propaganda Jepun ialah *Perubahan Baharu* (pengarangnya Abdul Rahim Kajai), *Semangat Asia* (diterajui oleh Ishak Haji Muhammad) dan *Fajar Asia* (dipimpin oleh Za’ba). Untuk butiran lanjut, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 52-53.

tentang akhbar ini kerana naskahnya yang kekal amat terhad.⁸⁴ Ia diterbitkan sebagai akhbar mingguan mulai 1942 hingga 1945.⁸⁵

Tahap III (1946-1950) pula memperlihatkan perkembangan akhbar tempatan yang lebih memberansangkan. *Sarawak Tribune*⁸⁶ diterbitkan pada 26 Disember 1945. *Sarawak Government Gazette* diterbitkan semula pada 15 April 1946 dan *Sarawak Gazette* pada 2 September 1946.⁸⁷

Akhbar Melayu pertama diterbitkan selepas Perang Dunia Ke-II ialah *Utusan ASAS* pada 10 Oktober 1947. *Utusan ASAS* berperanan sebagai lidah rasmi Angkatan Semangat Anaknegri Sarawak (ASAS) dan golongan anti penyerahan umumnya. Penerbitan *Utusan ASAS* dihentikan pada 15 Ogos 1948 kerana kekurangan modal. Oleh itu, *Utusan*

⁸⁴ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 41.

⁸⁵ Tan Eng Teik, “Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina Di Malaysia”, hlm. 106. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 148.

⁸⁶ *Sarawak Tribune* diasaskan oleh Dennis Law. Ia diterbitkan pada 26 Disember 1945 dan dicetak oleh A.B.C. Press. Pejabatnya terletak di 28, Khoo Hun Yeang Street. Ia diterbitkan setiap hari kecuali Ahad dan cuti umum. Terdapat ruangan rencana pengarang, berita, iklan dan surat pembaca. Harganya 10 sen senaskhah, empat halaman bercetak. Edisi pertama dan kedua *Sarawak Tribune* diedar secara percuma. Motonya, “The Paper of The People”. Tujuan penerbitannya “to supply as far as one present facilities, news both local and of the world in general, to provide a medium for the free exchange of opinion irrespective of race or creed and to give entertaining and good reading matter to our readers by contributions from writers and good standing”. Koleksinya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching. Salinan mikrofilm terdapat di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

⁸⁷ Mohammad Hasbie Sulaiman mengatakan *Sarawak Gazette* yang pertama diterbitkan selepas Perang Dunia Ke-II bertarikh 1 September 1946. Tarikh tersebut tidak tepat. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 90.

Sarawak bukanlah “the first Malay language newspaper” yang diterbitkan selepas Perang Dunia Ke-II seperti yang dikatakan oleh Craig A. Lockard.⁸⁸

Selepas penutupan *Utusan ASAS*, *Utusan Sarawak* (1949-1971)⁸⁹ diterbitkan pada 16 Januari 1949. *Utusan Sarawak* merupakan akhbar Melayu yang paling lama bertahan.⁹⁰

⁸⁸ Craig A. Lockard, “The Southeast Asian Town in Perspectives : A Social Study of Kuching, Malaysia, 1820-1970”, Ph. D., Thesis, University of Winconsin, 1973, hlm. 482.

⁸⁹ *Utusan Sarawak* diasaskan oleh Ikhwan Zaini dan Johari Anang dengan kerjasama ASAS. Jawatankuasa pengasas *Utusan Sarawak* terdiri daripada 26 orang. Mereka merupakan tokoh penggeraknya. *Utusan Sarawak* diterbitkan pada 16 Januari 1949. Ia diterbitkan sebagai akhbar tengah bulan. Motonya, “OLEH RA’AYAT UNTOK RA’AYAT”. Dengan sokongan dan sambutan yang meluas daripada pembaca, *Utusan Sarawak* diterbitkan sebagai akhbar mingguan mulai 28 Februari 1949. Dalam tempoh 16 Januari 1949 hingga 25 Disember 1950, *Utusan Sarawak* diterbitkan 99 keluaran : 49 keluaran pada 1949 dan 50 keluaran pada 1950. Hanya 73 keluaran sahaja yang kekal dan 26 keluaran tidak dijumpai lagi. Bagi menguruskan penerbitan, percetakan dan pengedaran *Utusan Sarawak*, Ikhwan Zaini menubuhkan Ariff Press Company. Pejabatnya terletak di No. 29, Khoo Hun Yeang Street, Kuching. *Utusan Sarawak* dicetak dalam huruf rumi. Ia dijual dengan harga 10 sen senaskhah dengan empat halaman bercetak. Harga langganan *Utusan Sarawak* setahun \$2.40, enam bulan \$1.20 dan tiga bulan 60 sen. *Utusan Sarawak* diedarkan ke seluruh Sarawak kecuali kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pos dan pengangkutan. Tidak ada rekod tentang jumlah edarannya. *Utusan Sarawak* juga diedarkan ke Brunei, Tanah Melayu dan Indonesia. Terdapat ruangan rencana pengarang, KRITIK (ruangan pojok), iklan, rencana, berita dalam dan luar negeri, surat pembaca dan karya sastera. Halaman dua dan tiga dikhususkan untuk rencana pengarang, KRITIK dan rencana. Berita dalam negeri meliputi hampir keseluruhan Sarawak. Terdapat berita dari Kuching, Simanggang, Serian, Lundu, Bau, Sibu, Bintulu, Tatau dan Miri. Kebanyakannya tertumpu kepada kegiatan golongan anti penyerahan. Berita luar negeri pula meliputi perkembangan di Eropah, Amerika Syarikat, Afrika, Asia Barat, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Timur Jauh. Kebanyakannya iklan terdiri daripada peniaga tempatan. Terdapat juga iklan dari Tanah Melayu, Singapura dan Indonesia. Iklan tempatan dikuasai oleh peniaga Cina khususnya di Kuching. Terdapat juga iklan dari Saribas, Simanggang dan Saratok. Menurut Ikhwan Zaini, tujuan *Utusan Sarawak* diterbitkan ialah memperjuangkan “segala keadilan dan kebenaran serta menentang segala kedzaliman, pergerakan2 yang melampau dan yang berlawanan dengan undang2 dan peraturan2 yang biasa, berkhidmat untuk kewajipan dan keperluan raayat selurohnya, serta bekerjasama dengan raayat untuk

Penerbitannya dihentikan pada 1971 akibat masalah pentadbiran, kewangan dan kekurangan sambutan pembaca.⁹¹

Pada pertengahan 1948, terdapat usaha untuk menerbitkan sebuah lagi akhbar Melayu di Kuching iaitu Kesedaran Melayu. Menurut *Utusan ASAS*, ia akan diterbitkan berhuruf jawi. Tetapi, *Utusan ASAS* tidak pula memberikan butiran lanjutnya. Usaha ini tidak dapat dilaksanakan tanpa diketahui juga puncanya.⁹²

menchiptakan chita2 raayat dan berkhidmat untuk pembinaan masharakat yang sampurna dan untuk perpaduan raayat yang setegoh2nya". Berhubung dasar perjuangannya, Ikhwan Zaini menegaskan "Utusan Sarawak adalah berdasar bebas.... Utusan Sarawak bukanlah diasas atau terikat oleh party, persekutuan atau pergerakan juapun". Naskhahnya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching dan salinan mikrofilem di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya. Untuk perbincangan umum tentang isi kandungannya, rujuk *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Jilid 4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 2566-2567.

⁹⁰ Sebuah lagi akhbar Melayu diterbitkan di Kuching pada 16 Oktober 1993 iaitu *Utusan Sarawak*. Ia bukanlah kesinambungan *Utusan Sarawak* yang diasaskan oleh Ikhwan Zaini. Ia diterbitkan oleh Warta Distribution, anak syarikat The Sarawak Press. *Utusan Sarawak* diterbitkan sebagai akhbar dwi mingguan, berhuruf rumi dengan lapan halaman bercetak. Mulai 2 Disember 1993, *Utusan Sarawak* diterbitkan sebagai akhbar harian dengan 16 halaman bercetak, 50 sen senaskhah. Ia diedarkan secara percuma hingga 30 Disember 1993. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Dinah Samuel, "Utusan Sarawak (1940-an dan 1990-an) : Satu Kajian Dasar dan Matlamat Penerbitan", Kertas Projek, B. A., Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 1999/2000.

⁹¹ Jaraiee @ Jarmi Sawal, "Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusastraan Melayu di Sarawak 1949-1971", Latihan Ilmiah, B.A., Rancangan Penulisan Kreatif dan Deskriptif, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1984/1985, hlm. 60-61. Micheal B. Leigh, *The Rising Moon : Political Change In Sarawak*, Sydney University Press, Sydney, 1974, hlm. 49.

⁹² *Utusan ASAS*, 15 Mac 1948, hlm. 1.

Sebuah lagi akhbar Melayu yang diterbitkan ialah *Pedoman Raayat*. Ia diterbitkan pada pertengahan pertama 1950 oleh Jabatan Penerangan Sarawak. *Pedoman Raayat* berperanan sebagai juru cakap kolonial British. Pada mulanya, *Pedoman Raayat* dicetak dengan huruf jawi oleh Percetakan Kerajaan sebagai akhbar bulanan.⁹³ Tidak banyak yang diketahui tentang *Pedoman Raayat* khususnya perkembangan awalnya.

Edisi pertama *Pedoman Raayat* tidak dapat dikesan. Hanya mulai 1959, naskhah *Pedoman Raayat* dijilidkan.⁹⁴ Pada 1959, ia diterbitkan dalam rumi dan jawi. Dalam perkembangan ini, *Utusan Sarawak* juga bukanlah “the only Malay language newspaper published in Sarawak”, seperti yang didakwa oleh Micheal B. Leigh.⁹⁵

Terdapat juga usaha menerbitkan majalah Melayu. Majalah *Kesedaran*⁹⁶ sepatutnya diterbitkan pada Julai 1949 oleh Tenaga Pemuda di bawah kepemimpinan Ikhwan Zaini⁹⁷

⁹³ *Utusan Sarawak*, 17 April 1950, hlm. 3.

⁹⁴ Koleksinya tersimpan di Arkib Negeri, Kuching dan Jabatan Penerangan Malaysia, Cawangan Sarawak.

⁹⁵ Micheal B. Leigh, *The Rising Moon*, hlm. 56.

⁹⁶ Isi kandungannya menyentuh aspek politik, agama, falsafah, sejarah, budaya, pendidikan, sastera dan puisi. Ia dicetak dengan huruf jawi. Craig A. Lockard, “The Southeast Asian Town in Perspectives”, hlm. 492.

⁹⁷ Ikhwan Zaini lahir pada 17 Mei 1915 di Kampung Patingan, Kuching. Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Melayu, Sekolah St. Thomas dan Victoria Bridge College di Singapura hingga lulus Senior Cambridge. Beliau pernah berkhidmat sebagai kerani di Pejabat Daerah Lawas dan Sekretariat Hal Ehwal Bumiputera. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa (AJK) PASPAM Cawangan Kuching yang dipilih pada 1939. Pada 1946, beliau meletak jawatan dalam perkhidmatan awam kolonial British kerana membantah Pekeliling No. 9 / 1946. Beliau adalah antara pejuang anti penyerahan

dan Johari Anang. Tetapi, ia hanya berjaya diterbitkan pada 1952 di Kuching.⁹⁸ Tidak diketahui dengan jelas punca yang menyebabkan penangguhan hasrat tersebut. Ia mungkin disebabkan oleh masalah kewangan, kekurangan pengarang dan pelanggan.⁹⁹

Penerbitan akhbar Cina juga berkembang pesat sejak akhir era pendudukan Jepun.. Akhbar Cina yang pertama diterbitkan di Kuching ialah *The Chinese Daily News*. Ia diterbitkan pada 1 Julai 1945.¹⁰⁰ Terdapat tiga buah lagi akhbar Cina iaitu *Kuching Daily News*, *Chung Hua Journal* dan *The Current Critics*.¹⁰¹ *Kuching Daily News* dan *Chung*

yang dikenali sebagai Barisan 338. Ikhwan Zaini terlibat secara aktif dalam gerakan anti penyerahan. Beliau menubuhkan ASAS dan Setiausaha Agung pertamanya. Beliau juga pengasas dan mengetuai sidang pengarang *Utusan ASAS*. Dalam arena politik, Ikhwan Zaini pernah memegang jawatan Ketua Penerangan Parti Negara Sarawak (1960), AJK Parti Perikatan Sarawak (1963) dan Presiden Parti Bumiputera Sarawak (1966). Sebagai Menteri Kabinet Sarawak, Ikhwan Zaini pernah memegang jawatan Menteri Kerajaan Tempatan (1966-1977) dan Menteri Kebajikan Sosial (1970-1972). Semasa memegang jawatan Presiden Parti Bumiputera Sarawak (PBB), Ikhwan Zaini menjual haknya terhadap *Utusan Sarawak* kepada rakan seperjuangannya, Dol Safah. Ikhwan Zaini meninggal dunia pada 13 Januari 1981 – 3 hari sebelum menyambut ulang tahun ke-32 penerbitan *Utusan Sarawak*. Atas jasanya, Ikhwan Zaini dianugerahkan Tan Sri pada 1979 (Darjah Panglima Mangku Negara). Sebagai menghargai sumbangannya, Ikhwan Zaini dilantik sebagai Pemangku Yang Di-Pertua Negeri Sarawak tiga kali. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Dayang Naralam Abang Raini, “Ikhwan Zaini : Satu Kajian Tentang Perjuangan dan Pemikiran Politiknya”, Latihan Ilmiah, B. A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/1997.

⁹⁸ *Utusan Sarawak*, 27 Jun 1949, hlm. 1.

⁹⁹ Temu bual dengan Mohammad Hasbie Sulaiman pada 5 / 1 / 2001. Beliau merupakan ahli sidang pengarang *Kesedaran*. Nama penanya “Ismayatim”. Naskhah *Kesedaran* yang disimpannya hilang akibat perpindahan dan pemberkuplilan rumahnya.

¹⁰⁰ Tan Eng Teik, “Perkembangan Akhbar-Akhbar Cina Di Malaysia”, hlm. 91.

¹⁰¹ Craig A. Lockard, “The Southeast Asian Town in Perspectives”, hlm. 492.

Hua Journal diterbitkan sebagai akhbar harian. *Current Critics* pula diterbitkan sebagai akhbar bulanan dan dwi mingguan pada 1950.¹⁰²

Sehingga 1950, terdapat dua lagi akhbar Cina yang diterbitkan di Sibu iaitu *Ta Tung Oversea Chinese Daily News* dan *Chiau Sheng Pau*, sebagai akhbar harian. Akhbar bahasa Iban iaitu *Pembrita* juga diterbitkan. Ia diterbitkan sebagai akhbar bulanan oleh Jabatan Penerangan.¹⁰³

Selepas Perang Dunia Ke-II, kemasukan akhbar dan majalah luar negeri di Sarawak semakin pesat. Ini dapat dikesan melalui *Utusan ASAS* dan *Utusan Sarawak*. Kedua-duanya memetik berita dan rencana daripada akhbar dan majalah luar negeri. Terdapat juga iklan yang dapat dijadikan asas rujukan mengikut perkembangan akhbar dan majalah luar negeri di Sarawak.

Antara sumber rujukan yang pernah digunakan oleh *Utusan ASAS* ialah *Utusan Melayu*, *Idaran Zaman*, *Straits Times* dan *Malaya Tribune*. Terdapat juga akhbar dari Hong Kong iaitu *The News Life Eveninging News* dan akhbar dari New York yang diringkaskan oleh *Utusan ASAS* sebagai “PM” sahaja.¹⁰⁴

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ *Sarawak Annual Report 1950*, Sarawak Government Printing, Kuching, 1951, hlm. 139.

¹⁰⁴ *Utusan Melayu* diterbitkan pada 29 Mei 1939 di Singapura oleh Utusan Melayu Pres Ltd. Ia dicetak dengan huruf jawi. *Utusan Melayu* diasaskan oleh Yusuf Ishak. Pengarang pertamanya Abdul Rahim Kajai. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu*

Utusan Sarawak pula menyatakan penggunaan sumber bacaan seperti *Majlis*, *Juita*, *Masharakat*, *Warta Malaya*, *Kenchana* dan *Majalah Guru*.¹⁰⁵ *Pengasuh* dan *Islamic Review* juga diedarkan ke Sarawak.¹⁰⁶ Terdapat juga majalah dari Indonesia iaitu

1876-1968, hlm. 44-45. William R. Roff, *Guide to Malay Periodicals 1876-1941*, hlm. 36. Untuk perbincangan lanjut tentang *Utusan Melayu*, rujuk Arshad Hj. Nawari, “*Utusan Melayu* yang dipunyai orang Melayu”, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 105-32. *Straits Times* diterbitkan pada 1845 sebagai akhbar mingguan dan harian hingga 1848. Mulai awal 1930-an, edisi mingguan *Straits Times* diterbitkan. *Malaya Tribune* diterbitkan pada 1915. Pada 1930-an, *Malaya Tribune* diterbitkan secara berasingan di Singapura, Ipoh dan Kuala Lumpur. Pada awal 1930-an, edisi mingguan *Malaya Tribune* diterbitkan. Kedua-duanya diterbitkan di Singapura. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Khoo Kay Kim, “English Newspapers In Malaya”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 69-89.

¹⁰⁵ *Majlis* diterbitkan pada 17 Disember 1931 di Kuala Lumpur. Pengarang pertamanya Abdul Rahim Kajai. Ia dicetak oleh Selangor Press dengan huruf jawi dan dihentikan pada 1955. Pada zaman Jepun, *Majlis* dinamakan *Perubahan Baharu*. *Juita* diterbitkan di Kuala Pilah pada 1949. Ia diasaskan oleh Abdul Ghani Abdullah. *Juita* diterbitkan sebagai majalah bulanan yang dicetak dengan huruf jawi, 32 halaman oleh The Malay Press, Kuala Pilah. Isi kandungannya tertumpu kepada aspek kewanitaan. Majalah *Masharakat* diterbitkan pada 1 Januari 1950 di Ipoh, Perak. Ia dicetak berhuruf jawi, 32 halaman. *Kenchana* diterbitkan di Singapura pada Januari 1947. Pengarangnya Harun Aminurrashid. Ia dicetak dengan huruf rumi, 36 halaman. *Kenchana* diterbitkan sebagai majalah bulanan. *Majalah Guru* diterbitkan pada 1 November 1924 oleh Persatuan Guru Melayu Persekutuan Tanah Melayu. Ia diterbitkan di Seremban. Pengarang pertamanya Muhammad Datuk Muda Linggi. Ia dicetak oleh Al-Rauthah Press dengan huruf jawi sebagai majalah bulanan. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, hlm. 5-53.

¹⁰⁶ *Pengasuh* diterbitkan pada 11 Julai 1918 oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Ia dicetak oleh Matba’ah Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dengan huruf jawi, lapan halaman. *Pengasuh* merupakan majalah agama tertua di Tanah Melayu yang turut menyiarkan tulisan reformis Islam seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Abdul Rahim Kajai dan Za’ba. Pengarangnya pertamanya Haji Muhammad Haji Mohd. Said. Pengarang Kehormatnya Haji Yusuf Mohammad (Tok Kenali). Untuk perbincangan lanjut, rujuk Mohd. Sarim Hj. Mustajab, “Akhbar Dan Majalah Agama Sebelum Perang”, hlm. 29-68. Ramli Hj. Ahmad dan Che Zaharah Che Hassan, “*Pengasuh*”, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, hlm. 33-57. Hasan Salleh, “*Pengasuh* Majalah Terawal Di Kelantan : Satu Tinjauan”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/1984. *Islamic Review* diterbitkan pada 1913 sebagai majalah bulanan. Ia menjadi lidah rasmi The Muslim

Kesatuan dan *Internasional* di samping akhbar lain seperti *Al-Manar*, *Singapore Standard*, *The Times*, *The Crown Colonist*, *Morning Post*, *Sunday Post Herald* dan *Manchester Guardian*.

Akhbar dan majalah yang disebutkan itu hanyalah sebahagian daripada sumber rujukan *Utusan ASAS* dan *Utusan Sarawak*. Penulis yang menggunakan nama samaran “M. Husni”, mengakui masyarakat Melayu di Sarawak bergantung kepada akhbar dan majalah dari Tanah Melayu untuk mengetahui perkembangan semasa luar negeri sebelum penerbitan *Utusan Sarawak*. Tetapi, beliau tidak menyatakan akhbar dan majalah tersebut.¹⁰⁷ Pada masa yang sama, terdapat peniaga yang menjadi agen penjual buku, akhbar dan majalah luar negeri seperti Toko Mustapha & Company, Ariff Brothers dan A. Rafaeie.¹⁰⁸

Tahun 1870-an merupakan detik penting dalam sejarah perkembangan persuratkhabaran di Sarawak apabila *Sarawak Gazette* diterbitkan. Masyarakat Melayu khususnya mulai terdedah dengan akhbar Melayu sejak 1876, apabila *Jawi Peranakkan* mendakwa

Mission of Working, Surrey, London yang mendokong fahaman refomis Islam dan bergiat aktif menyebarkan dakwah Islamiah di peringkat antarabangsa. Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 38.

¹⁰⁷ *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1951, hlm. 3.

¹⁰⁸ Toko Mustapha & Company menerima buku dari London, akhbar dari Tanah Melayu majalah dari Australia setiap minggu. *Utusan Sarawak*, 1 Februari 1949, hlm. 4. A. Rafiee adalah agen penjual buku, akhbar dan majalah yang beralamat No. 99, Kampung Nyabor Road, Sibu. Agen penjual yang lain terletak di Kuching. *Utusan Sarawak*, 26 Jun 1950, hlm. 1.

mempunyai wakil jualannya di Kuching. Namun, akhbar Melayu pertama (*Fajar Sarawak*) hanya diterbitkan pada 1930.

Latar Belakang Penerbitan *Fajar Sarawak* 1930 dan *Utusan ASAS* 1947-1948

Untuk memahami faktor yang mendorong penerbitan *Fajar Sarawak* dan *Utusan ASAS*, latar belakang masyarakat perlu dibincangkan. Aspek ini wajar disentuh kerana ia juga mempengaruhi idea dan perjuangan akhbar. Akhbar dan masyarakatnya berkait rapat dan saling memerlukan. Perkara yang dibincangkan oleh akhbar berkisar kepada perkembangan semasa masyarakatnya. Meskipun latar belakang masyarakat hanya dibincangkan secara umum, namun ia memperlihatkan kesan perkembangan masyarakat terhadap akhbar dan pengaruh akhbar terhadap masyarakat pula. Ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perkembangan persuratkhabaran Melayu, iaitu dengan meletakkan akhbar dalam konteks masyarakat dan masyarakat dari perspektif akhbar.

***Fajar Sarawak* 1930**

Perkembangan pendidikan merupakan aspek penting yang melatarbelakangi penerbitan akhbar Melayu di Sarawak umumnya dan Kuching khususnya. Pendidikan aliran Melayu bermula sejak 1861 apabila tertubuhnya Sekolah Encik Buyang. Sehingga 1900, terdapat empat buah sekolah Melayu di Kuching iaitu Sekolah Datu (1873), Sekolah Abang

Kassim (1883) dan Sekolah Kampung Gersik (1894). Pada 1903, ditubuhkan Sekolah Kebangsaan Sarawak yang menggabungkan aliran Melayu, Cina dan Tamil.¹⁰⁹

Terdapat juga anak-anak Melayu berpendidikan Arab. Mereka melanjutkan pelajaran di Mekah, Sambas dan Singapura. Sebahagiannya pula mendapat pendidikan aliran Inggeris di Sekolah St. Thomas, St. Joseph, St. Marry dan St. Teresa.¹¹⁰ Terdapat juga pelajar Melayu¹¹¹ yang melanjutkan pelajaran ke Tanah Melayu khususnya di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).¹¹²

¹⁰⁹ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 43-79, “Pemerintahan Brooke dan Pelajaran Bumiputera di Sarawak”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 1, 1980/1981, hlm. 65-74 dan “The Development of Malay Vernacular Education in Sarawak 1841-1941”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bil. 14, 1986, hlm. 23-47. Ooi Keat Gin, “The Attitudes of the Brooke towards Education in Sarawak 1841-1941”, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Vol. LXX, Part 2, 1997, hlm. 53-67.

¹¹⁰ Sabihah Osman, “Fajar Sarawak dan Utusan Sarawak Peniup Semangat Kesedaran dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak”, dalam Mohd. Sarim Hj. Mustajab (et al.), *Akhbar dan Majalah di Malaysia*, hlm. 205-206.

¹¹¹ Antaranya Abang Hamdin Abang Abdul Kadir, Abang Anuar Abang Uni, Abang Saufi Abang Ghapar, Yusof Johari, Mohammad Bujang, Osman Zainuddin dan Arfan Haji Salleh. Mereka merupakan pelajar terbaik lulusan Madrasah Melayu Sarawak. Pengajian mereka dibiayai oleh Vyner Brooke. Penghantaran pelajar ke MPSI diusahakan dalam tiga peringkat iaitu pada 1932, 1935 dan 1938. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1942*, hlm. 65-67. Namun, tidak dapat dipastikan sama ada mereka bergiat aktif dalam Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjong Borneo (ditubuhkan sekitar 1929-1930 pimpinan Abdul Hadi Hassan, Ibrahim Yaakob dan Hassan Manan di MPSI) seperti pelajar Brunei khususnya Pangiran Mohd. Yusof dan H.M. Salleh. Sabihah Osman (et al.), *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 65.

¹¹² Ia dibuka pada 29 November 1922 untuk melatih guru-guru Melayu. Antara subjek yang diajarkan seperti pertanian asas, pertukangan, agama Islam, ilmu kira-kira, bahasa

Perkembangan pendidikan ini melahirkan sebilangan masyarakat Melayu yang celik huruf. Mereka berpeluang mengikuti perkembangan semasa melalui bahan bacaan dari dalam dan luar negeri. Pendedahan ini melahirkan golongan berpendidikan yang berkesedaran. Mereka memerlukan saluran tersendiri untuk menyatakan isi hati dan pemikiran masing-masing terutamanya hal ehwal Melayu.

Perkembangan ekonomi terutamanya di Kuching hingga dekad kedua abad ke-20 tidak menguntungkan masyarakat Melayu. Perniagaan di bandar Kuching dikuasai oleh peniaga Cina. Tidak ramai orang Melayu mencebur入 bidang perniagaan.¹¹³ Jumlah penduduk Cina juga mengatasi Melayu ekoran daripada perkembangan ekonomi dan dasar imigran Brooke yang liberal.¹¹⁴

dan kesusasteraan Melayu, ilmu alam, sejarah dan lukisan. Pengetua pertamanya O.T. Dussek. Antara tenaga pengajarnya Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) selaku Ketua Penterjemah Pejabat Karang-Mengarang sejak 1925, Ibrahim Datuk Muda Linggi, Abdul Hadi Haji Hassan dan Harun Aminurrashid. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980. Asmerynee Adullah, "MPSI : Perkembangannya Sebagai Maktab Yang Tertua Di Malaysia", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997/1998. Sabariah Mat Hussin, "Maktab Perguruan Sultan Idris Dalam Merealisasikan Pendidikan Sekular Dan Semangat Nasionalisme Pada Tahun 1920-an Sehingga Tahun 1957", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998/1999.

¹¹³ Berdasarkan iklan dalam *Fajar Sarawak*, tidak kurang daripada 10 buah kedai Melayu dan India-Muslim terdapat di Kuching. Antaranya Mohd. Osman (Malay Cap Makers), Shaikh Dawood & Company, Sarawak Malay Trading, Haji Abdul Rahman & Brothers, Malay Restaurant, Al-Anang, Garaj Saji Mat Nor & Son, sebuah kedia ubat dan dua lagi kedai yang akan dibuka. Maklumat ketiga-tiga kedai tidak dinyatakan dalam naskhah *Fajar Sarawak*. *Fajar Sarawak*, 1 Februari-16 Jun 1930.

¹¹⁴ Pada 1876, jumlah orang Melayu di Kuching ialah 5311 (69.1%). Jumlah orang Cina pula ialah 2251 (29.3%) Pada 1939, jumlah orang Cina meningkat kepada 19109 (55.4%). Orang Melayu hanya berjumlah 13714 sahaja (39.7%). Perkara yang paling memerlukan ialah kedudukan Kuching, pusat pentadbiran yang didirikan oleh

Apabila berlakunya zaman kemelesetan ekonomi dunia menjelang akhir 1920-an, ia menyebabkan mereka menjadi penganggur dan berkuli dengan bangsa asing. Kedudukan dan taraf ekonomi yang rendah, kehidupan yang mundur dan ketinggalan berbanding bangsa asing menyedarkan golongan terpelajar Melayu kepada pentingnya membela nasib dan masa depan mereka.¹¹⁵

Perkembangan persuratkhabaran di Tanah Melayu dan Indonesia¹¹⁶ turut memberikan kesedaran kepada golongan terpelajar Melayu. Pengedaran persuratkhabaran dari luar negeri ke Sarawak yang berlaku melalui hubungan perdagangan dan penghijrahan,¹¹⁷

Pangiran Muda Hashim bertukar menjadi *chinatown* pada 1909. Sanid Said, "Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941 : Mulanya Kejatuhan Sosio-Politik Melayu", dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL, Part II, December 1989, hlm. 93. Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 139 dan "Fajar Sarawak dan Utusan Sarawak Peniup Semangat Kesedaran dan Perpaduan Orang-Orang Melayu Sarawak", hlm. 207. Craig Lockard, "From Kampong to City : A History of Kuching, Malaysia 1822-1970", Ph. D. Thesis, University of Wisconsin, 1973, hlm. 275.

¹¹⁵ *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 3.

¹¹⁶ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ahmat Adam, *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, hlm. 19-77. William R. Roff, *Bibliography of Malay Periodicals Published in the Straits Settlement and Peninsular Malay State 1876-1941*, Oxford University Press, London, 1972 dan *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Saudara Sinaran, Pulau Pinang, 1967.

¹¹⁷ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Ooi Keat Gin, *Of Free Trade and Natives Interest : The Brookes and the Economic Development of Sarawak 1841-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 225-228. Hugh Low, *Sarawak : Its Inhabitants and Productions*, hlm. 134-135. Sanid Said, "Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941", hlm. 90-94. Sabihah Osman, "Keadaan Masyarakat Bumiputera Sarawak Pada Abad Kelapan Belas dan Awal Abad Kesembilan Belas : Satu Tinjauan Sejarah" dalam *Malaysia In History*, Vol. XV, No. 2, December 1972, hlm. 3-13 dan "Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19" dalam Rahmat Saripan (et al), *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 132-183.

misalnya orang Melayu di Kuching yang berasal dari Tanah Melayu dan Sumatera ke tanah asal mereka sama ada untuk tujuan berdagang atau mengunjungi keluarga, turut mendedahkan kepada mereka perkembangan dan perjuangan Melayu di seberang laut.¹¹⁸ Proses ini tertumpu di Kuching kerana ia merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran Brooke.

Lawatan sebilangan golongan terpelajar Melayu dari Sarawak pada 1920-an ke Tanah Melayu, turut mendedahkan kepada mereka perkembangan persuratkhabaran dan perjuangan Melayu di sana.¹¹⁹ Ia menjadi sumber inspirasi kepada mereka. Bidang yang belum mereka terokai ialah kewartawanan. Golongan terpelajar Melayu di Sarawak sedar mereka adalah sebahagian daripada bangsa Melayu. Kesedaran ini juga menimbulkan hasrat menerbitkan akhbar Melayu.

Kemudahan percetakan turut mempengaruhi usaha menerbitkan akhbar Melayu. Ia membuka ruang kepada golongan terpelajar Melayu menceburi bidang penerbitan akhbar. Dengan adanya kemudahan percetakan, hasrat dan usaha menerbitkan akhbar dapat

¹¹⁸ Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 48.

¹¹⁹ Rakawi Yusuf misalnya, pernah berkunjung di Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan) pada akhir 1920-an. Ini memberikan kesempatan kepadanya mengikuti perkembangan persuratkhabaran dan persatuan Melayu di sana. Pengalamannya ini membolehkan beliau memberikan gambaran yang terperinci dan tepat tentang Singapura dalam novelnya, *Melati Sarawak* (1932). Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 93. Pengarang *Fajar Sarawak* menyebut tentang lawatan mereka ke Tanah Melayu pada 1927. *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 5. Haji Abdul Rahman Kassim juga sering berulang-alik dari Kuching ke Singapura sejak akhir 1920-an untuk menguruskan perniagaannya. Temu bual dengan Ahmad Shukor dan Abdul Hamid Haji Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001. Mereka meneruskan perniagaan ayahnya di Kuching sejak awal 1970-an.

dilaksanakan. Dalam tempoh 1870-1930, sekurang-kurangnya terdapat dua syarikat percetakan di Kuching iaitu Sarawak Government Printing dan Diocesan Press.

Dalam keadaan masyarakat Melayu yang ketinggalan berbanding bangsa asing, muncul kesedaran di kalangan golongan terpelajar Melayu terhadap sikap tidak bertanggungjawabnya pemimpin Melayu.¹²⁰ Mereka terkilan dengan sikap pemimpin Melayu yang tidak memperjuangkan nasib dan masa depan orang Melayu. Ini menyebabkan hak dan kepentingan orang Melayu tidak terbela.¹²¹ Keadaan ini menyedarkan golongan berpendidikan pentingnya usaha menyedarkan pemimpin Melayu dan membela kepentingan orang Melayu. Atas asas ini juga terlahirnya idea menerbitkan akhbar sebagai landasan perjuangan Melayu.

¹²⁰ Golongan pemimpin Melayu di Sarawak lazimnya terdiri daripada golongan perabangan. Mereka dikatakan berketurunan Raja Jarum (Datu Undi) yang berhijrah dari Sumatera. Beliau mempunyai tujuh orang anak. Anak perempuannya yang sulung iaitu Datu Permaisuri berkahwin dengan Datu Merpati Jepang (Adipati) dari Jawa. Lima daripada anaknya menetap di Sarawak. Datu Permaisuri di Kuching, Datu Kembali di Saribas, Datu Terawoh di Samarahan, Datu Sabtu di Rejang dan Datu Makau di Emparoh. Datu Patinggi Ali dan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah berketurunan Datu Permaisuri. Bob Reece, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*, Persatuan Kesusastraan Sarawak, Kuching, 1996, hlm. 1. J.H. Walker, "Notes on the use of Malay and Abang in Sarawak", dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XL VIII, No. 69, December 1995, hlm. 83-87. Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966*, hlm. 1-11. Abang Yusuf Puteh, *The Malays of Sarawak*, Shobra Publication, Kuching, 1998, hlm. 364-411.

¹²¹ *I'jar Sarawak*, 2 Februari 1930, hlm. 2.

Selepas tamatnya Perang Dunia Ke-II, masyarakat Melayu semakin terdedah dengan perkembangan persuratkhabaran Melayu. Ketajaman pena *Fajar Sarawak* memberikan kesedaran betapa pentingnya akhbar mempengaruhi pendirian dan pemikiran mereka, lebih-lebih lagi dalam konteks perjuangan menuntut kemerdekaan.¹²²

Penerbitan *Fajar Sarawak* turut membuka mata masyarakat Melayu tentang kepentingan akhbar sebagai penyalur hati nurani dan masalah masyarakat sezaman. Pembaca juga berpeluang mengikuti perkembangan semasa dalam dan luar negeri. Kesedaran ini berterusan hingga ke era pasca Perang Dunia Ke-II.¹²³

Walaupun penerbitan *Fajar Sarawak* dihentikan pada 16 Jun 1930, tetapi ini tidak bermakna perjuangan golongan terpelajar Melayu juga terbantut. Pengasasan PKMS pada

¹²² Taraf Sarawak sebagai negeri merdeka diakui oleh Amerika Syarikat pada 1850 dan British melalui Perjanjian 1855 dan 1888. Untuk perbincangan lanjut, rujuk L. R. Wright, *The Origins of British Borneo*, Hong Kong University Press, Hong Kong, 1970, hlm. 173-204. K.G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule (North Borneo 1881-1946)*, University of Malaya Press, Singapore, 1959, hlm. 31-48. Nicholas Tarling, *Britain, the Brooke and Brunei*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 76-94 ; 382-399 dan *The Burthen, The Risk and The Glory*, hlm. 95-169. Charles Hose, “Sarawak : An Independent State Within The Empire” dalam Paul H. Kratoska (ed.), *Honourable Intentions : Talk on the British Empire in South East Asia delivered at Royal Colonial Institute 1874-1928*, Oxford University Press, Singapore, 1983, hlm. 366-381. S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, *A History of Sarawak under its Two White Rajahs 1839-1908*, hlm. 147-150 ; 406-410. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 10-11 ; 284-289. Steven Runcimen, *The White Rajahs*, hlm. 191-192.

¹²³ *Utusan Sarawak*, 3 Oktober 1949, hlm. 2.

1937 (didaftarkan pada 1939), menjadi organ penyambung perjuangan *Fajar Sarawak*.¹²⁴ Pengasas *Fajar Sarawak* dan PKMS terdiri daripada tokoh yang sama iaitu Haji Abdul Rahman Kassim dan Johari Anang.¹²⁵

Melalui kegiatan berorganisasi, masyarakat Melayu dapat disatukan di bawah kepemimpinan PKMS. Ini memberi ruang yang lebih luas kepada mereka berbincang secara terbuka, memikirkan masalah dan merapatkan hubungan antara pemimpin Melayu dengan orang Melayu. Pengasasan PKMS menyedarkan masyarakat Melayu kepentingan perpaduan untuk membina kekuatan. Apabila tercetusnya gerakan anti penyerahan, PKMS bangkit sebagai peneraju perjuangan.

Zaman Jepun meninggalkan kesedaran baru kepada masyarakat Melayu. Pengharaman PKMS, akibat kecurigaan Jepun terhadapnya sebagai pertubuhan berbau politik¹²⁶

¹²⁴ Untuk perbincangan lanjut tentang peranan PKMS dalam perjuangan anti penyerahan, rujuk Sanib Said, “Anti-Cession Movement : The Birth of Nationalism In Sarawak”, Graduation Exercise, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975/1976. Sabihah Osman, “The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951”, *JEBAT*, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, No. 18, 1990, hlm. 151-160. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 16-37 ; 84-140. Yusuf Peter Heaton, “The Anti-Cession Movement In Sarawak”, *Malaysian Historical Society* (Sarawak Branch), Mac 1976, Kuching, hlm. 59-71.

¹²⁵ Idea penubuhannya dipelopori Rakawi Yusuf sebagai mencontohi perkembangan persatuan Melayu di Tanah Melayu. Ia diteruskan oleh rakan seperjuangannya, Haji Abdul Rahman Kassim dan Johari Anang. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 134. Untuk perbincangan lanjut tentang perkembangan persatuan Melayu di Tanah Melayu, rujuk William R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, hlm. 239-250 ; 281-313.

menyebabkan pemimpin dan ahli PKMS merasai satu kehilangan besar. Mereka hilang pangkalan bergerak dan landasan menyatukan masyarakat Melayu. Ia mengukuhkan lagi kesedaran betapa pentingnya organisasi kepada mereka.

Pengalaman pahit yang dilalui pada zaman Jepun seperti masalah keselamatan, kekurangan makanan dan pakaian serta kekejaman tentera Jepun, menyedarkan rakyat keperitan dijajah. Ini menanamkan semangat benci kepada penjajahan. Kesediaan Jepun memberikan peluang kepada orang Melayu menjawat jawatan pentadbiran seperti Pegawai Daerah, memupuk kepercayaan dan kemampuan mentadbir negeri.¹²⁷

Penerbitan *Khabar Harian Kuching* juga menyedarkan masyarakat Melayu kepentingan akhbar sebagai alat propaganda untuk meraih sokongan rakyat. Dalam konteks perjuangan kemerdekaan, akhbar berperanan penting mempengaruhi sikap dan pemikiran masyarakat. Oleh itu, zaman Jepun meninggalkan pengajaran penting kepada mereka dalam menghadapi perkembangan zaman penjajahan British.

Jumlah golongan berpendidikan dan celik huruf semakin meningkat hingga meletusnya Perang Dunia Ke-II.¹²⁸ Ia melahirkan lebih ramai golongan celik huruf, berpendidikan

¹²⁶ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 145. Bob Reece, *Masa Jepun*, hlm. 124. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 130.

¹²⁷ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 11-37.

¹²⁸ Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 43-79. Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 71-90. Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule In Sarawak 1946-1963*, hlm.

dan berkesedaran dalam masyarakat Melayu.¹²⁹ Ini termasuklah anak Melayu yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri seperti di Tanah Melayu. Di sana, mereka lebih terdedah kepada perjuangan Melayu. Mereka berkesempatan membaca akhbar dan majalah sezaman, melihat kemajuan luar negeri dan berkesempatan bertemu dengan tokoh perjuangan Melayu di sana.¹³⁰

Antara anak muda yang berpeluang mengikuti suasana ini ketika belajar di Singapura ialah Ikhwan Zaini, pengasas selaku pengarang *Utusan ASAS* (1947–1948) dan *Utusan Sarawak* (1949-1967). Othman Zainuddin¹³¹ (menuntut di MPSI pada 1938-1941) dan

302-305. Putit Matzen, “Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak” dalam *Sarawak Museum Journal*, Vol. XLVII, No. 68, December 1997, hlm. 107-125.

¹²⁹ Pada 1930, terdapat 24 buah sekolah Melayu di Sarawak. Jumlah ini meningkat kepada 33 buah pada 1938. Putit Matzen, “Pendidikan dan Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak”, hlm. 111. Jumlah penuntut Melayu di 47 buah sekolah mualigh Kristian hingga 1936 pula ialah 241 orang. Berdasarkan bancian penduduk 1947, purata orang Melayu yang celik huruf ialah 12% (12510). Bumiputera bukan Melayu pula 4% sahaja (Melanau – 2594, Bidayuh – 3625, Iban - 2480 dan bumiputera lain – 569). Sabihah Osman, *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, hlm. 125.

¹³⁰ Contohnya, Sharkawi Sheikh Othman. Beliau dan ibunya lahir di Sambas. Ayahnya, Sheikh Haji Othman Abdul Wahab berketurunan Melayu Sarawak. Sharkawi mendapat pendidikan di Singapura (Madrasah Al-Junid) dan mempunyai hubungan rapat dengan Burhanuddin Al-Helmy, Presiden Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) 1956-1969. Beliau merupakan anak Melayu Sarawak yang mendapat pendidikan di luar negeri dalam bidang pengajian Islam. Setelah menuntut di Singapura, Sharkawi menjadi guru di Masjid India. Beliau fasih berbahasa Arab dan menggunakan hujah agama menentang penyerahan Sarawak. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 247. Sabihah Osman, “The Malay-Muslim Response to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951”, hlm. 151-152.

¹³¹ Beliau berasal dari Kuching, menetap di Jalan Haji Mataim. Othman mendapat pendidikan awal di Madrasah Melayu Sarawak. Setelah menamatkan pengajiannya di MPSI, beliau berkhidmat di Maktab Latihan Perguruan Sarawak. Ketika PKMS mengadakan mesyuarat tergempar untuk membincangkan kata dua yang diberikan oleh British melalui Pekeliling No. 9/1946, Othman mendesak kesemua pegawai kerajaan (

Mohammad Bujang (kedua-duanya menentang kuat penyerahan Sarawak) mengakui menerima kesedaran kebangsaan ketika menuntut di MPSI.¹³² Tokoh terpenting yang menjana semangat anti penjajahan ialah Harun Aminurrashid.¹³³

Ini bukan bermakna golongan terpelajar Melayu yang tidak mendapat pendidikan di luar negeri tidak mempunyai kesedaran yang sama.¹³⁴ Mereka juga terdedah dengan perkembangan persuratkhabaran dan perjuangan Melayu di seberang laut melalui pembacaan dan lawatan. Mereka merupakan tenaga terpenting dalam perjuangan anti

yang terlibat dalam perjuangan anti penyerahan) meletak jawatan. Beliau berjaya mempengaruhi keputusan sidang mesyuarat melalui pidatonya yang berapi-api (beliau berpidato sambil menghentak meja dan disambut dengan tepukan gemuruh). Usul Haji Abdul Rahman Kassim, Naib Presiden PKMS agar para guru dikecualikan untuk mengelakkan sekolah-sekolah Melayu ditutup, akhirnya ditolak. Temu bual dengan Ahmad Shukor Haji Abdul Rahman pada 5 / 1 / 2001. Beliau turut serta dalam mesyuarat tersebut. Ia diadakan di pejabat kedai Haji Abdul Rahman Kassim (No. 39, Tingkat 1, India Street, Kuching).

¹³² Abdullah Hussain, *Harun Aminurrashid : Pembangkit Semangat Kebangsaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 147-167.

¹³³ Nama sebenarnya Harun Mukmin (Muhammad Amin). Beliau lahir pada 1907 di Teluk Kurau, Singapura. Harun mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Kampung Gelam pada 1921, Singapura. Beliau menuntut di MPSI pada 1925-1927 dan bergiat aktif dalam bidang penulisan (sajak, cerpen, novel dan esei kritikan). Beliau mengajar di MPSI dari 1927-1939. Harun ditukarkan ke Brunei pada 1939 sebagai Pengarah Pelajaran kerana British bimbang perkembangan pengaruhnya di MPSI. Harun merupakan pengarang *Seruan Ra'ayat* (1945-1946), *Mingguan Melayu* (1952-1955), *Mutiara* (1948-1962), *Melayu Raya* (1950-1953) dan *Belia* (1955-1956). Tokoh yang diminatinya Sukarno. Pada 1920-an dan 1930-an, MPSI berperanan sebagai pusat pertumbuhan kesedaran kebangsaan Melayu. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Abdullah Hussain, *Harun Aminurrashid*. Sundasia Rosdi, "Harun Aminurrashid (Tuan Haji Harun bin Haji Mohd. Amin)", dalam Khoo Kay Kim dan Fadzil Othman (ed.), *Sastera Dan Sasterawan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 193-217.

¹³⁴ Antara anak tempatan (sekadar menyebut beberapa nama) yang mendapat pendidikan dalam negeri dan menjadi barisan pemimpin perjuangan anti penyerahan ialah Mohd. Ma'amon Nor, Hj. Suut Tahir dan Ajibah Abol.

penyerahan. Golongan yang mendapat pendidikan dalam dan luar negeri berganding bahu menggerakkan pertubuhan anti penyerahan di Sarawak.

Selepas tamatnya Perang Dunia Ke-II, harapan untuk kembali ke bawah pemerintahan Brooke dinafikan oleh British. Ini menyebabkan tercetusnya perjuangan anti penyerahan di kalangan bumiputera khususnya masyarakat Melayu dan Dayak. Mereka terkilan dengan dasar penjajahan British. Untuk mengukuhkan perpaduan Melayu, PKMS digerakkan semula. Sarawak Dayak Association (SDA)¹³⁵ mengekori kebangkitan PKMS. Seterusnya, ditubuhkan pertubuhan anti penyerahan di seluruh Sarawak untuk menentang penjajahan British.¹³⁶

Pejuang anti penyerahan juga menyedari wujudnya kekosongan dalam perjuangan mereka. Mereka tidak mempunyai akhbar yang berperanan sebagai lidah rasmi. Melalui

¹³⁵ SDA dicadangkan penubuhannya pada 24 Februari 1946, didaftarkan pada 1 Mac 1946 di Kuching. Ia didaftarkan sebagai persatuan sosial di bawah Ordinan Pertubuhan 1930. SDA ditubuhkan bertujuan menyatupadukan masyarakat Dayak, memajukan pendidikan, ekonomi dan kebudayaan Dayak. Antara pemimpin terawalnya Charles Mason (Presiden), Edward Brandah (Naib Presiden), Philip Jitam dan Andrew Jika (Setiausaha) dan Robert Jitam (Bendahari). R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 247-248. Ho Hui Ling, “Pertubuhan-pertubuhan Sosiopolitik di Sarawak, 1946-1996”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 28-2000, hlm. 107-108.

¹³⁶ Pertubuhan anti penyerahan yang diasaskan meliputi BPS, ASAS, PPM, PWMS, KI PPM, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kebajikan Awam, Kesetiaan Kaum Muda Matu, Kesetian Melayu Simanggang, Kelab Kesetian Dalat, Sulam Mas Seria, dan Angkatan Bintawa-Astana Sarawak. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 48-49. Untuk perbincangan lanjut tentang perjuangan anti penyerahan di Sibu, rujuk Malsiah Jamal, “Pergerakan Anti-Penyerahan Di Sibu”, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/1986.

akbar, mereka dapat menjelaskan tujuan perjuangan anti penyerahan yang sebenar kepada umum.¹³⁷ Ia juga penting untuk mengimbangi propaganda kolonial British melalui *Sarawak Gazette*. *Sarawak Tribune*¹³⁸ juga bersikap pro penyerahan.¹³⁹ Kekosongan dalam perjuangan anti penyerahan ini akhirnya dapat diatasi apabila ASAS menerbitkan *Utusan ASAS*.

Untuk memahami latar belakang yang mempengaruhi penerbitan *Utusan ASAS* dengan lebih jelas, perkembangan perjuangan anti penyerahan perlu disentuh. Secara khususnya, terdapat dua suasana yang mendasari penerbitan *Utusan ASAS*. Pertama, ia diterbitkan ketika perjuangan anti penyerahan semakin berpengaruh. Kedua, dalam keadaan tekanan daripada pihak kolonial British dan golongan pro penyerahan semakin serius.

Pada 6 Februari 1946, Charles Vyner Brooke mengisyiharkan Sarawak akan diserahkan kepada British. Berita ini mengejutkan rakyat Sarawak. Sebagai reaksi, pada 12 Februari

¹³⁷ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 102.

¹³⁸ Pada dasarnya, *Sarawak Tribune* mengambil sikap berhati-hati “between genuine regret at the passing of Brooke rule and approval of the developments which colonial status would bring about”. Ini kerana editornya, Dennis Law yang mewakili golongan terpelajar Cina berpendidikan Inggeris “had a stake in economic development and modernization”. Beliau menegaskan, “that times had changes and that Sarawak must go forward … living in a state of blissful backwardness untouched by the 20th century human progress and civilization”. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 208-209. *Sarawak Gazette*, 2 September ; 1 November ; 2 Disember 1946 ; 2 Januari ; 1 Februari ; 1 Mac ; 1 Mei ; 2 Jun ; 2 Julai ; 1 Ogos 1947 ; 2 Januari ; 2 Februari ; 2 Julai ; 1 Oktober 1948 ; 3 Januari ; 1 Februari ; 7 Mac ; 6 Ogos ; 7 Oktober 1949 ; 7 Januari ; 7 Februari ; 7 April 1950.

¹³⁹ *Sarawak Tribune*, 8 Januari ; 12 Mac ; 16 April ; 20 April ; 4 Mei ; 10 Mei ; 14 Mei ; 15 Mei ; 16 Mei ; 21 Mei ; 25 Mei ; 27 Mei ; 2 Julai ; 12 September ; 22 Oktober 1946 ; 16 Julai 1947 ; 1 Februari ; 12 Januari 1949.

1946 Datu Patinggi Abang Haji Abdillah¹⁴⁰ menghantar surat kepada PKMS menyatakan bantahannya terhadap penyerahan Sarawak. Beliau juga membongkar sogokan \$12,000.00 daripada Mac Bryan¹⁴¹ kepadanya.¹⁴²

¹⁴⁰ Abang Haji Abdillah lahir pada 1862 dan merupakan anak Melayu pertama yang menuntut di Sekolah St. Thomas. Beliau pernah mengajar di Sekolah Abang Kassim, Kampung Jawa dan berkhidmat di Jabatan Tanah serta Pengawas di Jabatan Pekerjaan Awam. Abang Haji Abdillah dilantik sebagai Datu Muda pada 1921, Datu Bandar pada 1924 dan Datu Syahbandar pada 1928. Beliau dianugerahkan Datu Patinggi pada 1937. Beliau meninggal dunia pada 21 November 1946, ketika berusia 83 tahun. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Salam Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah : Ketua dan Pemimpin Masyarakat Melayu Sarawak Pramerdeka*, Vicskill Sdn. Bhd., Sibu, 1995. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 27-30. *Sarawak Tribune*, 28 September 1946, hlm. 2. *Sarawak Gazette*, 2 December 1946, hlm. 52.

¹⁴¹ Beliau lahir pada 1901 dan dibesarkan di Kingsdown House. Mac Bryan mendapat pendidikan di St. Christopher's School dan Naish House. Seterusnya, beliau melanjutkan pelajaran ke Kolej Tentera Laut Dartmouth pada 1918. Mac Byran gagal dalam peperiksaan tentera laut dan bekerja di firma perkapalan. Beliau datang ke Sarawak pada awal 1920-an, di Limbang. Kejayaannya mengaturkan perdamaian antara kaum Dayak di Kapit menaikkan namanya. Mac Bryan dilantik sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat Sekretariat merangkap editor *Sarawak Gazette* dan *Sarawak Government Gazette* pada Ogos 1927. Beliau dilantik sebagai Pemangku Penolong Setiausaha dan Setiausaha Hal Ehwal Bumiputera pada 1928. Pada Ogos 1930, beliau dipindahkan ke Pejabat Kerajaan Negeri Sarawak sebagai Setiausaha Sulit kepada Vyner Brooke. Mac Bryan merupakan petualang yang memainkan peranan penting mendapatkan persetujuan Datu-datu Melayu. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 19-29. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 68-71.

¹⁴² Mac Bryan mengunjungi Datu Patinggi Abang Haji Abdillah di Darul Kornia pada 1 Januari 1946. Mac Bryan (selaku Setiausaha Sulit Vyner Brooke) meminta beliau menandatangi surat rasmi (persetujuan penyerahan Sarawak). Oleh sebab tidak begitu jelas dengan isi kandungannya, Datu Patinggi Abang Abdillah enggan menandatangannya. Sebagai reaksinya, Mac Bryan mengingatkan beliau agar jangan mendedahkan kedatangannya kepada sesiapapun (termasuklah pegawai-pegawai Eropah yang berkhidmat dalam pentadbiran awam Brooke). Pada 2 Januari pula, Mac Bryan memperalatkan pemimpin tempatan (Datu Amar, Datu Menteri dan Abang Mohd. Daim) memujuk dan mengugut Datu Patinggi Abang Haji Abdillah agar menandatangani surat tersebut. Oleh itu, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah menulis surat kepada C.A. Gascoigne (Bendahari Pentadbiran Tentera British Borneo) untuk mendapatkan nasihatnya, tetapi Gascoigne tidak memberikan reaksi. Beliau juga memaklumkan

British bersetuju menghantar dua wakilnya untuk membuat tinjauan berhubung cadangan penyerahan pada 27 Mac 1946 di Sarawak. Mereka ialah D.W. Rees¹⁴³ dan L. D. Gammans.¹⁴⁴ Pada pertengahan April 1946, Vyner Brooke berkunjung ke Sarawak untuk

rancangan Mac Bryan hendak mengadakan sesi menandatangani surat tersebut di Darul Kornia pada 7 Januari bersama Datu Amar, Datu Menteri dan Datu Pahlawan. Menyedarinya, Mac Bryan bertindak pantas dengan memanggil Ahli Majlis Negeri bersidang pada 5 Januari. Selepas membawa Datu Patinggi Abang Haji Abdillah berbincang dalam satu bilik, Mac Bryan memaklumkan kepada Ahli Majlis Negeri beliau bersetuju menerima \$12,000.00, sekaligus menandatangani surat perisytiharan dengan syarat jawatan Datu Patinggi dan Pulau Talang-Talang (hak mengutip telur penyu) diwarisi oleh generasinya (permintaan ini juga diragui kebenarannya kerana besar kemungkinan ia disediakan oleh Mac Bryan). Pada 12 Januari, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah memaklumkan kepada PKMS (melalui suratnya) tentang wang sogokan tersebut. Melaluinya, beliau juga mededahkan Datu Amar, Datu Hakim dan Datu Pahlawan juga menerima sogokan \$10,000.00 seorang. Mac Bryan juga menyogok \$2,000.00 kepada Tuan Haji Nawawi (Mufti Sarawak). Datu Patinggi Abang Haji Abdillah juga memaklumkan kepada PKMS bahawa beliau memulangkan \$12,000.00 (yang diterimanya daripada Mac Bryan) kepada Pentadbiran Tentera British Borneo. Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 198-203. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 42-44. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 59-60.

¹⁴³ D.W. Rees lahir pada 1903. Beliau mendapat pendidikan di Mill Hill School dan seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang perundungan di University of Wales. Pada Perang Dunia Ke-II, Rees berkhidmat dalam tentera British berpangkat Leftenan Kolonel. Dalam tempoh 1947-1950, beliau berkhidmat di Pejabat Tanah Jajahan. Dari 1950-1951, Rees berkhidmat di Pejabat Komanwel. Antara Jun hingga Oktober 1951, Rees dilantik sebagai Menteri Penerangan Awam Britain. Beliau fasih berbahasa Melayu. A.J Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS), Monograph No. 8, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 181.

¹⁴⁴ L. D. Gammans lahir pada 1895. Beliau mendapat pendidikan awal di Portsmouth Grammar School dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke University of London. Dalam tempoh 1920-1934, beliau berkhidmat dalam perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service). Pada 1942-1946, Gammans dilantik mewakili Britain ke Persidangan Hubungan Pasifik di Kanada dan Amerika Syarikat. Beliau juga fasih berbahasa Melayu. Tentang misi peninjauannya bersama Rees, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 211-229.

menjelaskan isu penyerahan Sarawak kepada Majlis Tertinggi¹⁴⁵ dan rakyat umumnya. Kedatangannya disambut dengan demonstrasi anti penyerahan.

Pada 2 Mei 1946, Rees dan Gammans tiba di Kuching menjalankan peninjauan. Kedatangan mereka juga disambut dengan demonstrasi anti penyerahan. Pada 8 Mei 1946, Tuan Muda Bertram Brooke¹⁴⁶ mengadakan lawatan ke Kuching. Golongan anti penyerahan mengambil kesempatan ini menyatakan bantahan penyerahan Sarawak kepada Bertram Brooke.

¹⁴⁵ Majlis Tertinggi ditubuhkan oleh James Brooke pada 27 Oktober 1855. Ahlinya yang terawal Datu Bandar, Datu Imam, Datu Temenggung dan Khatib. Tiga pegawai Eropah juga dilantik sebagai ahlinya. Datu Patinggi (ketika itu disandang oleh Haji Abdul Ghaffur) tidak dilantik sebagai ahli majlis Tertinggi kerana berpaktat dengan Syarif Masahor menentang James Brooke. Datu Patinggi diletakkan semula sebagai Ketua Datu Melayu di Sarawak pada 1937 apabila Abang Haji Abdillah memegang jawatan tersebut. Selepas pemecatan Datu Patinggi Haji Abdul Ghaffur, Datu-datu Melayu di Sarawak diketuai oleh Datu Bandar Mohd. Lana (1854-1865) dan Haji Bua Hassan (1865-1925). Majlis Tertinggi bersidang sekurang-kurangnya sebulan sekali. Ia bertujuan membincangkan hal ehwal pentadbiran dan kebijakan rakyat. Sebelum ditubuhkan Majlis Negri, ia merupakan institusi tunggal penggubal undang-undang dan James Brooke merupakan pemerintah mutlak. Ia juga berperanan sebagai badan penasihat Raja Brooke. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, “Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Abad Ke-19”, hlm. 147-149. Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 90. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 3-9.

¹⁴⁶ Bertram Brooke lahir pada 1876. Beliau merupakan anak kedua Charles Brooke. Pada 1887, Bertram dibawa oleh ibunya, Ranee Margaret ke Sarawak. Dalam bidang pentadbiran, beliau pernah dilantik sebagai Naib Pengurus dalam Majlis Tertinggi dan Majlis Negri. Setelah Charles Brooke meninggal dunia pada 1917, beliau dilantik sebagai Tuan Muda, pewaris takhta selepas Vyner Brooke. Bertram menentang penyerahan Sarawak kepada British kerana ia dilakukan oleh Vyner Brooke tanpa berunding dan mendapat persetujuannya. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm.13-19.

Beliau juga menyatakan bantahan terhadap tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British tanpa persetujuannya. Ekoran daripada usul Rees dan Gammans,¹⁴⁷ isu penyerahan dibawa ke Majlis Negri¹⁴⁸ untuk dibincangkan.

Pada 14 Mei 1946, Majlis Negri dirasmikan oleh Vyner Brooke. Perbahasan usul penyerahan dijalankan pada 15-19 Mei 1946. Apabila pengundian dijalankan pada 17 Mei, pihak pro penyerahan menang dengan undi 18 menyokong dan 16 menentang.¹⁴⁹ Ini bermakna Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British.

¹⁴⁷ Hasil daripada tinjauan itu, Rees dan Gammans menyatakan ; (1) Peniaga-peniaga Cina serta mereka yang berjiwa politik menyokong penyerahan kerana mereka berharap agar lebih banyak peluang perniagaan dan menguatkan kedudukan politik serta perwakilan orang Cina ; (2) Orang Melayu dan Iban terpelajar yang memberikan sokongan kepada penyerahan mengharapkan peluang pelajaran dan pekerjaan yang lebih luas ; (3) Orang Melayu dan Iban yang taat kepada Raja, mereka telah mendapat nikmat kesenangan dan kemewahan, dan diatas ketaatan itu, mereka terpaksa bersetuju dengan kata Raja ; (4) Orang Melayu dari golongan perabangan dan orang Iban yang mendapat keistimewaan daripada Raja tentunya suka mengabdikan diri kepada pemerintahan Brooke ; (5) Orang Melayu kebanyaknya yang berpandangan jauh bahawa dengan adanya lanjutan pemerintahan Brooke, ia adalah satu jalan untuk menuntut pemerintahan sendiri dan kemerdekaan yang sebenarnya untuk Sarawak pada masa akan datang. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 76.

¹⁴⁸ Majlis Negri ditubuhkan oleh Charles Brooke pada 1865. Ia bertujuan membincangkan masalah dan hal ehwal masyarakat di samping mengeratkan hubungan antara Brooke, pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin tempatan. Pertemuan diadakan tiga tahun sekali. Ini termasuklah membincangkan dasar dan undang-undang negeri. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Sabihah Osman, “Penyertaan Orang Melayu-Islam Dalam Pentadbiran Sarawak dan Sabah Pada Adab Ke-19”, hlm. 147-149. Sanib Said, “Melayu Di Bawah Brooke 1841-1941”, hlm. 90. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 8-16 ; 130-131.

¹⁴⁹ Pihak yang menentang terdiri daripada J.O. Gillbert (Residen Bahagian Keempat dan Kelima), W.P.N.L. Ditmas (Residen Bahagian Pertama), Abang Openg Abang Safiee (Pegawai Bumiputera Bahagian Pertama), Abang Kiprawi , Abang Shamsuddin, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Abang Abu Latif (Pegawai Bumiputera Bahagian Pertama), Datu Zin (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua), Abang Haji Draup (

Pada 1 Julai 1946, Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching. Upacara ini dipulaukan oleh pejuang anti penyerahan termasuk Datu Patinggi Abang Haji Abdillah. Penglibatan Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dicemburui oleh C.W. Dawson.¹⁵⁰ Beliau mengugut melucutkan keahlian Datu Patinggi Abang Haji Abdillah dalam Majlis Tertinggi dan Majlis Negri. Tetapi, ugutan ini tidak memberi kesan kepadanya.

Pada pertengahan September 1946, Mac Bryan menyatakan kekesalannya terhadap Datu-datu Melayu¹⁵¹ kerana gagal mendapatkan sokongan orang Melayu. Kedatangannya

Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua), Abang Ali , Datu Tuanku Mohamad (Pegawai Bumiputera Bahagian Keempat), Abang Mustapha (Pegawai Bumiputera Bahagian Kelima), P.H.H. Howes, Philip Jitam, D.M. Deen (wakil India-Muslim) dan Edward Jerah (Pegawai Bumiputera Bahagian Kedua). Pihak yang menyokong penyerahan ialah J.B. Archer (Pemangku Ketua Setiausaha), G.E. Gascoigne (Bendahari), L.D. Kennedy (Pengarah Kastam), B.J.C. Spurway (Pengarah Jabatan Perhutanan), C.D. Adams (Pemangku Residen Bahagian Ketiga), Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Menteri Zain Mohamad, Haji Nawawi (Mufti Sarawak), Tan Bak Lim, Paderi A. Mulder, Temenggong Koh, Bennet Jarraw (Pegawai Bumiputera Bahagian Kelima), J. Owen (wakil Serani), Khoo Pheng Loong (wakil Cina di Sibu), Abang Ahmad dan Abang Haji Abdul Rahim (Pegawai Bumiputera Bahagian Kelima). Pihak yang berkecuali ialah J.C.H. Barcroft (Residen Bahagian Kedua) dan Datu Hakim Abang Haji Mohidin. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 80-81. Salam Ahmad, *Datu Patinggi Abang Haji Abdillah*, hlm. 47-48. *Sarawak Tribune*, 17 Mei 1946, hlm. 1-3 ; 21 Mei 1946, hlm. 1 dan 25 Mei 1946, hlm. 1.

¹⁵⁰ C.W. Dawson lahir pada 1896. Beliau menuntut di Kolej Dulwich dan melanjutkan pelajaran ke Kolej Brasenose. Pada 1920, Dawson berkhidmat sebagai pegawai tadbir dalam Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service) di Tanah Melayu. Beliau pernah menjadi Pegawai Daerah di Alor Gajah, Kedah. Pada 1933-1938, Dawson dilantik sebagai Penasihat Perundangan dan Kehakiman di Kedah dan seterusnya menjadi Penasihat British di Perlis pada 1938. Semasa meletusnya Perang Dunia Ke-II, beliau dilantik sebagai Setiausaha Pertahanan di Tanah Melayu. Pada 1946, Dawson dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak hingga 1950. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 217.

¹⁵¹ Mereka ialah Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha, Datu Amar Abang Haji Sulaiman, Datu Menteri Zain Mohamad. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-*

dicemuh oleh pejuang anti penyerahan. Tanggal 26 September 1946 pula merupakan perayaan hari kelahiran Vyner Brooke. Ia dipulaukan oleh golongan anti penyerahan.

Pada 28 Oktober 1946, Arden Clarke¹⁵² dilantik sebagai Gabenor Sarawak yang pertama. Upacara perlantikan Arden Clarke juga dipulaukan oleh pejuang anti penyerahan. Hanya pemimpin Persatuan Melayu Muda (PMM), Abang Haji Mustapha¹⁵³ dan golongan pro penyerahan sahaja yang hadir. Ucapannya mewakili masyarakat Melayu dibidas oleh

1966, hlm. 43. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 60. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 200.

¹⁵² Arden-Clarke lahir pada 1898. Beliau berkhidmat dalam Machine Gun Corps semasa Perang Dunia I (1914-1918). Beliau menyertai Perkhidmatan Pentadbiran Kolonial (Colonial Administrative Service) pada 1920. Dalam tempoh 1920-1933, Arden Clarke bertugas sebagai Pegawai Tadbir di Nigeria Utara dan dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Ketua Penolong Setiausaha di Pejabat Setiausaha Nigeria pada 1934. Pada 1936, beliau dilantik sebagai Pesuruhjaya Residen dan Setiausaha Kerajaan, Bechuanaland. Arden Clarke berkhidmat sebagai Gabenor Sarawak pertama pada 1946-1949. Beliau dilantik sebagai Gabenor Ghana hingga Ghana mencapai kemerdekaan pada 1957. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 256. Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule In Sarawak 1946-1963*, hlm. 389.

¹⁵³ Abang Mustapha Abang Haji Mosaili lahir pada 30 Mac 1906 di Simanggang. Pada 1916-1919, Abang Mustapha belajar di Sekolah St. Thomas dan seterusnya ke Sekolah St. Joseph. Beliau melanjutkan pelajaran ke Mekah dalam bidang syariah pada 1922. Abang Mustapha pernah berkhidmat sebagai guru di Saribas selama tiga tahun. Pada 1925, beliau berkhidmat sebagai kerani dan dilantik sebagai Inspektor Polis pada 1933. Pada 1938, beliau dipilih sebagai Pengurus PASPAM Cawangan Kuching. Abang Mustapha mendapat gelaran Datu Pahlawan pada Februari 1941. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Tidak Rasmi dalam Majlis Negeri dan Majlis Tertinggi. Abang Mustapha menubuhkan PMM sebagai pertubuhan Melayu pertama yang menyokong penyerahan. Beliau merupakan pengasas Parti Negara Sarawak (PANAS) pada 1960. Abang Mustapha meninggal dunia pada 1964. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 135. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 91. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Bob Reece, *Datu Bandar Abang Haji Mustapha of Sarawak*.

PKMS. Ia tidak menggambarkan pendirian sebenar sebahagian besar masyarakat Melayu.¹⁵⁴

Pada 17 November 1946, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah mengirim surat kepada Anthony Brooke.¹⁵⁵ Beliau menyatakan hasratnya menemui Anthony Brooke di Kuching untuk membincangkan isu penyerahan. Hajatnya tidak kesampaian kerana beliau meninggal dunia pada 21 November 1946. Namun, ini tidak mematahkan semangat perjuangan anti penyerahan.

Pada 24 November 1946, solat hajat diadakan di Masjid Bahagian Kuching. Ia bertujuan memohon kepada Allah agar diberikan kekuatan dan kejayaan dalam perjuangan. Pada 6 Disember 1946, Anthony Brooke bertolak dari New York untuk pergi ke Sarawak. Beliau ditahan di Singapura oleh Arden Clarke. Alasan penahanannya untuk mengelakkan berlakunya huru-hara di Sarawak.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 84-96.

¹⁵⁵ Anthony Brooke lahir pada 1912. Sebagai anak sulung Bertram, Anthony digelar Raja Muda yang akan menggantikan ayahnya sebagai Raja Sarawak. Beliau pernah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Malaya (Malayan Civil Service) pada 1934-1936. Anthony dianugerahkan Raja Muda pada 1936 dan dilantik sebagai Pegawai Pemerintah Kerajaan. Pada 1938-1941, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Daerah Baram dan Sarikei. Pada 1945, Anthony diamanahkan mengetuai Kerajaan Sementara Sarawak oleh Vyner Brooke. Dalam gerakan anti penyerahan, beliau mempunyai hubungan rapat dengan PKMS dan SDA. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 16-17 ; 61-69 ; 73-107. *Utusan Sarawak*, 18 Disember 1950, hlm. 1.

¹⁵⁶ Untuk perbincangan lanjut, rujuk R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 264-267. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 96-98.

Pada 20 Disember 1946, C.W. Dawson mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946. Ia bertujuan mencegah pegawai kerajaan terlibat dalam perjuangan anti penyerahan. Beliau memberi kata dua kepada pegawai kerajaan sama ada meletak jawatan atau meneruskan khidmat dalam perkhidmatan awam kolonial British.¹⁵⁷

Cabarani ini disahut oleh pegawai kerajaan yang terlibat dalam perjuangan anti penyerahan. Akibatnya, 409 pegawai kerajaan bertindak meletak jawatan pada 2 April 1946. Mereka dikenali sebagai Barisan 338.¹⁵⁸

Pada 1 Julai 1947, pejuang anti penyerahan mengadakan demonstrasi sempena ulang tahun pertama Hari Penyerahan. Pejuang anti penyerahan menyifatkannya sebagai hari haram. Demonstrasi tersebut disertai oleh wakil 16 buah pertubuhan anti penyerahan¹⁵⁹ di

¹⁵⁷ Isi utama Pekeliling No. 9/1946 menegaskan ; (1) Kerajaan berharap dan berkehendakan kesetiaan yang tidak berbelah bagi daripada semua kakitangannya ; (2) Kerajaan tidak benar atau membiarkan sebarang perhubungan oleh kakitangannya dalam kegiatan yang dirancangkan untuk menghidupkan kembali masalah penyerahan ; (3) Setiap kakitangan kerajaan hendaklah membuat keputusan sama ada ia akan berhajat untuk berkhidmat kepada kerajaan yang ada sekarang dengan taat setia atau tidak ; (4) Sebarang pegawai kerajaan dalam masa akan datang yang melibatkan diri dengan sebarang kegiatan yang membangkit-bangkitkan masalah penyerahan atau melakukan sebarang tindakan yang sengaja tidak menunjukkan ketaatsetiaan kepada kerajaan, akan menyebabkan dirinya dibuang kerja serta-merta. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 125.

¹⁵⁸ Menurut Sharkawi Sheikh Othman, angka 338 itu diambil berdasarkan jumlah tentera Badar yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW dalam Perang Badar (623 M). Menurutnya lagi, jumlah yang kecil itu bukan ukuran kepada perjuangan. Perkara yang lebih penting ialah semangat dan azam. Daripada 409 pegawai kerajaan yang meletak jawatan, hanya tiga orang sahaja bukan Islam iaitu Robert Jitam, Alfred Jamuh dan Cikgu Agan Raja. Ibid., hlm. 105.

seluruh Sarawak. Ribuan pejuang anti penyerahan terlibat dalam demonstrasi termasuk kaum ibu.¹⁶⁰

Dalam tempoh enam bulan selepas Majlis Negri memutuskan penyerahan Sarawak hingga Ogos 1947, kempen anti penyerahan diperhebatkan lagi. Dari Bahagian Pertama¹⁶¹ ia merebak ke Bahagian Kedua¹⁶² terutamanya di kalangan orang Iban. PKMS, Kaum Ibu Sarawak (KIS)¹⁶³ dan Persatuan Pemuda Melayu (PPM) serta Kaum Ibu PPM¹⁶⁴ memainkan peranan penting melancarkan kempen anti penyerahan.

¹⁵⁹ PKMS, SDA, BPS, PPM, ASAS, KIS, KI PPM, Persatuan Bumiputera Sarawak, Persatuan Melayu Miri, Persatuan Melayu Limbang, Perhimpunan Kebajikan Baram, Kesetian Kaum Muda Matu, Kesetiaan Melayu Simanggang, Kesetiaan Kelab Dalat, Sulam Mas Seria dan Angkatan Bintawa-Astana. *Sarawak Tribune*, 30 Oktober 1946, hlm. 6.

¹⁶⁰ Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 127-128.

¹⁶¹ Bahagian Pertama meliputi Kuching, Serian, Simunjan, Sadong, Bau dan Lundu. Untuk butiran lanjut, rujuk M.G. Dickson, *Sarawak and Its People*, hlm. 50-58.

¹⁶² Bahagian Kedua meliputi Simanggang, Engkilili, Lubok Antu, Betong, Saratok dan Saribas. Ibid., hlm. 59-60.

¹⁶³ Ia diasaskan pada 16 Mac 1947 oleh Lily Eberwein. Lily merupakan Pengurus KIS yang pertama. Beliau dibantu oleh Ajibah Abol (Setiausaha). Semasa perasmian pembukaannya berdekatan Panggung Cathay dan Limbungan Brooke, kira-kira 100 kaum ibu mendaftar. Antara kaum ibu yang turut memimpin Masni Abu Bakar (Penolong Setiausaha), Dori Ali (Bendahari), dan lapan orang Ahli Jawatankuasa. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi Achie, "Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996 : Penglibatan, Peranan dan Tokoh", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Sesi 1997/1998, hlm. 22-56 dan "Perjuangan Wanita Dalam Gerakan Anti Penyerahan 1946-1950", *Sarawak Museum Journal*, Vol. LV, December 2000, hlm 151-181.

¹⁶⁴ Ia diasaskan pada akhir 1946 oleh Sharipah Sipah Tuanku Osman hasil perjumpaan tergempar yang dianjurkan oleh Sharifah Sipah di rumahnya, Kampung Nyabor, Sibu. Pada awalnya, Kaum Ibu PPM merupakan cabang PPM. Memandangkan sambutan yang

Mereka menggunakan perahu menjelajah ke kawasan pedalaman dan rumah panjang beberapa bulan. KI PKMS berkempen bersama Kathlen Brooke (Ranee Muda), isteri Anthony Brooke selama dua bulan di Bahagian Kedua dan Bahagian Keempat.¹⁶⁵ Mereka menegaskan bahawa Bertram Brooke dan Anthony Brooke menentang penyerahan. Sebagai bumiputera Sarawak, mereka juga mesti menentang penyerahan.

PKMS dan PPM berganding bahu berkempen di Bahagian Ketiga.¹⁶⁶ Mereka berjaya mendapatkan sokongan 52 Penghulu termasuk Temenggong Koh¹⁶⁷ dan Jugah.¹⁶⁸

hangat daripada kaum ibu, ia diasaskan sebagai sebuah pertubuhan tersendiri. Beliau dibantu oleh Dayang Fauziah Abang Hashim sebagai Setiausaha. Selain pakaian rasmi, Kaum Ibu PPM turut mempunyai pengawal keselamatannya iaitu Zaini Haji Aleh, Haji Redhuan dan Salleh Linggi. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi bin Achie, “Wanita dan Politik Sarawak 1946-1996”, hlm. 22-56.

¹⁶⁵ Bahagian Keempat meliputi Bintulu, Miri, Marudi, Baram dan Belaga. M.G. Dickson, *Sarawak and Its People*, hlm. 75-83.

¹⁶⁶ Bahagian Ketiga meliputi Sibu, Mukah, Matu, Rejang, Sarikei, Kanowit dan Kapit. Ibid., hlm. 67-74.

¹⁶⁷ Temenggung Koh lahir pada 1870 di Pulau Ensulit, Kapuas. Pada 1897, Koh menyertai tenteran Charles Brooke menentang Bantin sehingga perdamaian dicapai pada 1907. Beliau dilantik sebagai Penghulu pada 1913. Pada 1915, Koh menyokong Charles Brooke menentang kebangkitan Iban di Nanga Gaat dan Sungai Mujong. Beliau juga menyokong Charles Brooke menundukkan kebangkitan Iban di Baleh pada 1916. Pada 1924, Koh berjaya mendamaikan pertelingkahan antara Iban di Rajang dengan Kayan, Kenyah dan Bario di Kapit. Beliau dilantik sebagai Temenggung dan bersara sebagai pada 1955. Koh meninggal dunia pada 4 November 1956. Untuk perbincangan lanjut, rujuk A.M. Cooper, *Men of Sarawak*, hlm. 49-57. Persatuan Kesusteraan Sarawak, *Our Sarawak*, Persatuan Kesusteraan Sarawak, Kuching, 1983, hlm. 42-45.

¹⁶⁸ Temenggung Jugah lahir pada 1903 di Kapit. Beliau merupakan ketua Iban yang berpengaruh di Rajang. Pada 1936, Temenggung Jugah dilantik sebagai Penghulu, ketika berusia 23 tahun. Pada 1955, beliau dilantik sebagai Temenggung. Semasa Sarawak menghadapi kontroversi penyerahan, pada mulanya beliau menyokong golongan anti penyerahan tetapi berpaling tada akibat pujukan dan pengaruh British. Selain menjadi Presiden Parti Pesaka Anak Sarawak (Pesaka), beliau juga merupakan antara

Sebagai bukti sokongan, cap jari mereka diambil. Hasilnya, kempen ini berjaya menarik sokongan kira-kira 80% Dayak yang buta huruf terutamannya orang Iban.¹⁶⁹

Kekuatan pengaruh dan sokongan rakyat terhadap perjuangan anti penyerahan diberikan reaksi langsung oleh pegawai British. Mereka melihat perkembangan ini dengan penuh kekhawatiran. Contohnya, rencana yang ditulis oleh W. Clark, “Sarawak Now as Seen Through the Eyes of a Free Lancer” dalam *Sarawak Tribune*. Tegasnya :

From my talks with the Governor and Chief Secretary, there would appear to be some concern that anti-cession sentiment might spread to the up-country Dayaks ; rumour, however, was current in the capital ... that the Third Division Dayaks are reported already to be showing considerable interest in the controversy.¹⁷⁰

Sebagai tindak balas, British melancarkan kempen mendapatkan sokongan rakyat. British sedar kaum Dayak yang kebanyakannya buta huruf mudah diperdayakan. Mereka tidak memahami erti penjajahan dan mudah dipengaruhi. Arden Clarke, C.W. Dawson dan Malcom MacDonald (Gabenor Jeneral di Singapura)¹⁷¹ turut terlibat dalam kempen tersebut.

pengasasnya pada 1962. Temenggung Jugah memainkan peranan penting dalam pembentukan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) pada 1974. Beliau pernah menjadi Menteri Hal Ehwal Sarawak dalam Kabinet Malaysia. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Vinson H. Sultive Jr., *Tun Jugah of Sarawak*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1992. Persatuan Kesusastraan Sarawak, *Our Sarawak*, hlm. 61-64.

¹⁶⁹ Sanib Said, “Anti-Cession Movement”, hlm. 33-36.

¹⁷⁰ *Sarawak Tribune*, Februari 1947, hlm. 2. Dipetik daripada Sanid Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966*, hlm. 53.

Pada Ogos 1946, rombongan British yang turut disertai oleh Malcom Mac Donald berkempen dengan orang Iban. Kawasan yang menjadi tumpuan ialah Simanggang, Rejang, Sarikei dan Sibu. Di hulu Rajang, gerakan kempen berjaya mendapatkan sokongan 30 Penghulu termasuk Temenggung Jugah dan Koh. Hasil daripada sokongan ini, kedua-dua tokoh diberikan pingat kebesaran dan dijemput melawat Malcom MacDonald di Singapura.

Atas tajaan British juga Persatuan Iban (PI) ditubuhkan pada Jun 1947 sebagai pertubuhan pro penyerahan yang kedua selepas PMM. Ia berperanan untuk menyaingi pengaruh SDA. PI dikatakan menyokong penyerahan kerana “tertarik dengan kepemurahan British dalam soal kewangan dan Rajah pula tidak bersatu di antara satu dengan yang lain”.¹⁷²

Kempen juga ditumpukan di kalangan orang Melayu yang miskin. Masalah kemiskinan, kekurangan makanan dan kesihatan serta inflasi ketika itu digunakan oleh British dan PMM untuk menarik sokongan mereka. Para pejuang anti penyerahan pula dikenakan

¹⁷¹ Malcom MacDonald lahir pada 1901. Beliau mendapat pendidikan di Bedals School and Oxford. Beliau pernah menjawat jawatan penting seperti Ahli Parlimen Parti Buruh (1929), Setiausaha Negeri Hal Ehwal Wilayah (1935-1938), Setiausaha Hal Ehwal Tanah Jajahan (1935-1940), Menteri Kesihatan (1940-1941), Pesuruhjaya Tinggi di Kanada (1941-1946), Gabenor General di Asia Tenggara (1948-1955) dan Pesuruhjaya Tinggi di India (1955-1960). Beliau juga pernah menjadi Gabenor Jeneral, Pesuruhjaya Tinggi dan Wakil Khas British di Afrika pada 1963-1969. A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948*, hlm. 180. Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule in Sarawak 1946-1963*, hlm. 386-387.

¹⁷² Sanid Said, “Anti-Cession Movement”, hlm. 48-53.

tekanan dan ugutan oleh PMM. Anak-anak mereka tidak dibenarkan bersekolah di sekolah kerajaan.

Hasil gerakan PMM, ia berjaya menubuhkan cawangannya di Kampung Sambir, Sibu, Kalaka dan Miri pada akhir 1946.¹⁷³ Ini adalah cabaran bagi pejuang anti penyerahan untuk merebut sokongan rakyat. Dalam persaingan ini, selain propaganda British dan tekanan golongan pro penyerahan, akhirnya terasaslah *Utusan ASAS*.

Jika ditinjau semula perkembangan akhbar Melayu di Sarawak dalam tempoh 20 tahun (1930-1950), wujud jurang kekosongan selepas penutupan *Fajar Sarawak*. Tidak ada lagi akhbar dan majalah Melayu diterbitkan. *Utusan ASAS* merupakan akhbar Melayu kedua diterbitkan selepas *Fajar Sarawak*. Ia mengambil jangka masa 17 tahun. Jurang penerbitan antara *Utusan ASAS* dengan *Utusan Sarawak* pula kira-kira lima bulan sahaja.

Untuk menerbitkan akhbar, ia memerlukan modal dan tenaga. Ia bukanlah kerja yang mudah. Inilah masalah utama yang dihadapi oleh penerbit *Fajar Sarawak*. Penerbitannya tidak dapat diteruskan kerana masalah modal selain kematian dua tokoh pengasasnya, iaitu Rakawi Yusuf dan Haji Daud Abdul Ghani.¹⁷⁴

¹⁷³ Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak 1946-1966*, hlm. 46-17.

¹⁷⁴ *Utusan Sarawak*, 3 Oktober 1949, hlm. 3.

Kegagalan *Fajar Sarawak* mendapat sokongan masyarakat Melayu khususnya menunjukkan kurangnya kesedaran dan minat membaca. Masih belum terserlah kesedaran menyeluruh terhadap peranan dan kepentingan akhbar. Mereka juga kurang menghargai usaha dan khidmat anak negeri menerbitkan akhbar. Meskipun tidak ada akhbar Melayu lain diterbitkan di Sarawak yang menyaingi *Fajar Sarawak*, tetapi ia gagal mempertahankan kelangsungannya. Ini berpunca daripada kurangnya sambutan masyarakat Melayu.¹⁷⁵

Golongan hartawan dalam masyarakat Melayu juga kurang berminat dengan penerbitan akhbar. Kegagalan *Fajar Sarawak* menjadi pengajaran kepada mereka. *Fajar Sarawak* pernah menyeru golongan hartawan menyokong kelangsungannya demi meninggikan mutu persuratan Melayu, sekaligus melibatkan diri dalam penerbitan akhbar.¹⁷⁶ Tetapi, ia tidak diberikan reaksi positif oleh mereka.

Golongan terpelajar Melayu terdiri daripada mereka yang berkelulusan aliran Melayu, Arab dan Inggeris. Mereka menyedari peranan dan kepentingan akhbar. Semasa menuntut di luar negeri, mereka terdedah dengan perjuangan akhbar dan majalah Melayu. Tetapi, bukan kesemuanya mereka menyahut seruan agar bergiat aktif dalam bidang

¹⁷⁵ *Fajar Sarawak*, 16 Jun 1930, hlm. 3-4.

¹⁷⁶ Ibid.

penulisan dan penerbitan. Ia menuntut pengorbanan dan kesungguhan yang tinggi. Mereka lebih suka bekerja makan gaji dengan kerajaan.¹⁷⁷

Mereka juga sibuk dengan tugas rasmi dan tidak mempunyai masa yang terluang untuk bergiat aktif dalam bidang penulisan dan penerbitan akhbar. Malah, bukan semua di kalangan mereka yang berminat dan berbakat dalam bidang penulisan. Inilah masalah yang dihadapi oleh penerbit *Fajar Sarawak*. Mereka tidak mempunyai barisan pelapis di kalangan generasi muda untuk meneruskan usaha menerbitkan akhbar.¹⁷⁸

Penerbit *Fajar Sarawak* tidak membuktikan mereka merupakan pengusaha yang mahir berniaga dan mencari sumber kewangan syarikat.¹⁷⁹ Mereka gagal mendapatkan sokongan dari peniaga khususnya dalam bentuk pengiklanan. Walhal, Kuching adalah pusat perniagaan yang sedang berkembang ketika itu. Mereka kurang berpengalaman dan lemah mengurus kewangan syarikat. Mereka tidak menjadikan kelemahan ini sebagai cabaran kejayaan. Sebaliknya, memutuskan untuk meninggalkan bidang penerbitan akhbar.

¹⁷⁷ *Utusan Sarawak*, 26 September 1949, hlm. 2.

¹⁷⁸ *Fajar Sarawak* menyeru agar golongan terpelajar menyumbangkan buah fikiran dan melibatkan diri secara aktif dalam bidang penulisan. *Fajar Sarawak*, 1 Februari 1930, hlm. 1-3.

¹⁷⁹ Persatuan Kesuasteraan Sarawak, *Fajar Sarawak*, hlm. xxi.

Dunia mengalami zaman kemelesetan ekonomi pada akhir 1920-an hingga awal 1930-an. Kos hidup dan inflasi meningkat. Kuasa beli rakyat juga menurun. Ini tidak menggalakkan penerbitan akhbar. Jumlah golongan yang mampu membeli dan melanggan akhbar juga tidak ramai. Mereka terdiri daripada pemimpin Melayu, peniaga, pedagang, Tua Kampung, guru, kerani, kastam dan polis. Namun, bukan kesemuanya merupakan pembaca akhbar yang setia. Pendapatan mereka pula hanya cukup makan dan untuk keperluan sehari-hari sahaja.¹⁸⁰ Keadaan ini juga melemahkan semangat menerbitkan akhbar.

Setelah gagal dalam penerbitan akhbar, penerbit *Fajar Sarawak* mengalihkan hala tuju dan corak perjuangan mereka kepada organisasi. Ini mendorong pengasas *Fajar Sarawak* berikhtiar menuuhkan PKMS. Melaluinya, masyarakat Melayu dapat disatupadukan. Ia menyebabkan mereka tidak lagi menumpukan perhatian dan usaha menerbitkan akhbar.

Kurangnya sambutan dan kesedaran masyarakat Melayu menyokong penerbitan *Fajar Sarawak* menyebabkan penerbit *Fajar Sarawak* berasa serik. Tetapi, ini bukan bermakna mereka berputus asa dalam bidang penulisan. Mereka beralih kepada kegiatan penulisan bercorak sejarah dan sastera.

¹⁸⁰ *Utusan Sarawak*, 28 November 1949, hlm. 2.

Rakawi Yusuf menumpukan usahanya menyiapkan *Hikayat Sarawak* (1932)¹⁸¹ dan *Melati Sarawak* (1932)¹⁸² selepas kegagalan *Fajar Sarawak*. Dengan kerjasama rakannya yang juga pemilik Sarawak Printing Company,¹⁸³ Haji Abdul Rahman Kassim menerbitkan *Hikayat Sarawak* dan *Melati Sarawak*. Selepas kematian Rakawi Yusuf pada 1937, Sarawak kehilangan tokoh penulis yang terkenal. Usaha dan minat menerbitkan akhbar semakin pudar apabila pengasas *Fajar Sarawak* turut melupakan hasrat meneruskannya.

Selepas penutupan *Utusan ASAS* pada 15 Ogos 1948, tidak banyak kegiatan golongan anti penyerahan dapat diketahui. Selain *Sarawak Gazette*, *Sarawak Tribune* juga tidak

¹⁸¹ *Hikayat Sarawak* menyentuh sejarah awal Brunei, asal-usul kaum di Borneo, pengasasan dan peluasan kuasa Brooke. Rakawi Yusuf merujuk kepada dua buah buku iaitu *Selsilah* tulisan Hugh Low dan *A History of Sarawak Under Its Two White Rajahs* yang ditulis oleh S. Baring-Gould dan C.A. Bamfyld. Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, Sarawak Printing Company, Kuching, 1932. (Jawi)

¹⁸² *Melati Sarawak* memperkatakan percintaan muda-mudi dan keruntuhan moral. Ia juga menyentuh kepentingan Islam sebagai asas kemajuan dan penyelesaian kepada kerosakan akhlak muda-mudi akibat permainan gendang Melayu. Peranan pendidikan dan ekonomi sebagai landasan kemajuan Melayu juga disentuh menerusi *Melati Sarawak*. Untuk perbincangan lanjut, rujuk Nordi Achie, “Pemikiran Rakawi Yusuf Dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel *Melati Sarawak* 1932 : Satu Tinjauan Awal”, dalam *Sejarah, Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya*, No. 7/1999, hlm. 81-121. Mohd. Setar Mohd. Rani, “Kegiatan golongan Melayu terpelajar di Sarawak dalam bidang penulisan 1930-1950”, hlm. 57-71. Hamzah Hamdani, “*Melati Sarawak* : Satu Perbicaraan Tentang Tema dan Struktur”, dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 191-204.

¹⁸³ Menurut Philip L. Thomas, Rakawi Yusuf merupakan pemilik Sarawak Printing Company. Ini tidak tepat. Muhammad Rakawi Yusuf, *Melati Sarawak*, (dirumikkan oleh Rosenah Ahmad dan Philip L. Thomas), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1980, hlm. vi. Pemiliknya ialah Haji Abdul Rahman Kassim. Syarikat ini masih lagi diselenggarakan oleh warisnya, Abdul Hamid Abdul Rahman. Ia dikenali sebagai H.K. Abdul Rahman & Brothers. Muhammad Rakawi Yusuf, *Hikayat Sarawak*, halaman dalam kulit bukunya. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 17.

membuat liputan tentang perkembangan dan kegiatan golongan anti penyerahan.¹⁸⁴ Pada awal Januari 1949, PKMS dan KIS mengadakan mesyuarat khas. Mereka membincangkan langkah-langkah yang diambil pada 1949 untuk menentang penyerahan Sarawak dan penjajahan British.¹⁸⁵

Golongan anti penyerahan tidak tunduk dengan propaganda dan tekanan British. Sebelum penerbitan *Utusan ASAS*, golongan anti penyerahan berjuang tanpa akhbar. Begitu juga selepas penutupannya. Penutupan *Utusan ASAS* merupakan satu kehilangan bagi golongan anti penyerahan. Mereka tidak lagi mempunyai akhbar rasmi.

Dalam usaha meneruskan perjuangan anti penyerahan, akhbar sememangnya amat diperlukan. Melalui akhbar, mereka dapat mengukuhkan perjuangan dengan ketajaman mata pena.¹⁸⁶ Kesedaran ini mendorong Ikhwan Zaini dan Johari Anang menerbitkan *Utusan Sarawak* (1949-1971) untuk meneruskan perjuangan mereka.¹⁸⁷ Ia bukan

¹⁸⁴ Mulai Mac 1946, *Sarawak Tribune* tidak lagi menyiaran perkembangan perjuangan anti penyerahan akibat tekanan dan sekatan oleh pihak kolonial British. Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 103.

¹⁸⁵ *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 3.

¹⁸⁶ Ibid., hlm. 1.

¹⁸⁷ Jaraiee @ Jarmi Sawal, “Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Bahasa dan Kesusastraan Melayu Di Sarawak 1949-1971”, dalam Hamzah Hamdani (ed.), *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 10.

semata-mata menjadi organ perjuangan anti penyerahan, malah membela hak dan kepentingan bumiputera seluruhnya.¹⁸⁸

Kesimpulan

Sarawak bukannya terasing daripada arus perkembangan persuratkhabaran luar negeri. Walaupun bermula agak lewat berbanding dengan negeri lain di Asia Tenggara, tetapi golongan terpelajar Melayu di Sarawak juga tidak mahu ketinggalan dalam bidang persuratkhabaran. Pengedaran akhbar dan majalah luar negeri ke Sarawak menunjukkan terjalinya hubungan dua hala antara Sarawak dengan dunia luarnya. Ini membolehkan masyarakat Melayu di Sarawak mengikuti perkembangan semasa luar negeri. Jika ditinjau semula perkembangan persuratkhabaran Melayu sejak 1876, jelas perkembangan persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu lebih pesat. Dalam tempoh 1876-1950, sebanyak 211 akhbar dan majalah Melayu diterbitkan.¹⁸⁹

¹⁸⁸ *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 2.

¹⁸⁹ Untuk senarai lengkapnya, rujuk A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1960*, hlm. 1-66.